



Jabatan Audit Negara
Malaysia

Laporan Tahunan 2004



Laporan Tahunan
2004
Jabatan Audit Negara

Kandungan

i Pencapaian Utama

iii Perutusan Ketua Audit Negara

3 Maklumat Korporat Jabatan

Rencana:

19 **Peranan Pengauditan Kontrak
Pembinaan Untuk Meningkatkan
Akauntabiliti Awam**

22 **Pengurusan Sumber Manusia Yang
Mampan**

26 **Kecemerlangan Jabatan Melalui Program
Latihan**

28 **Penyelidikan Menyumbang Kepada
Pembaharuan**

31 **Cabaran dan Halatuju Pengauditan ICT**

34 **Akauntabiliti Pengurusan Kewangan
Kerajaan Persekutuan**

Kandungan

Pengauditan Aktiviti Kutipan Hasil Menyumbang Kepada Pendapatan Negara	36
Mesra Audit Melalui Pendekatan Program Anak Angkat	39
Cabaran Dan Peranan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Untuk Memantapkan Akauntabiliti Sektor Awam	41
Pengurusan Yang Berkesan Di Badan Berkanun Persekutuan	44
Pengurusan Risiko Di Badan Berkanun Persekutuan	46
Penglibatan Di Peringkat Antarabangsa	48
Diari Jabatan	53
Aktiviti Sosial, Sukan dan Kebajikan	69
Direktori Jabatan	80
Sidang Pengarang	82

Pencapaian Utama

1. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2003

- Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dikeluarkan pada 30 Jun 2004.
- Penyata Akaun Awam bagi 13 Kerajaan Negeri telah dikeluarkan antara 8 Jun 2004 hingga 13 September 2004.
- Badan Berkanun Persekutuan dikeluarkan pada 30 Jun 2004.

2. Bidang Pengauditan Sepanjang Tahun 2004

- Sejumlah 417 penyata kewangan bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah disahkan.
- Sejumlah 120 Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Sektor Audit Kerajaan Negeri.
- Sejumlah 60 Pengurusan Agensi telah dijalankan oleh Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.
- Sejumlah 120 Pengauditan Prestasi telah dijalankan oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.

3. Program Khidmat Nasihat

- Sejumlah 52 Jabatan/Agensi telah dianugerahkan sijil penghargaan melalui Program Anak Angkat Jabatan.
- Sejumlah 631 Penampilan Audit telah dilaksanakan oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.
- Sejumlah 15 Panduan CAATT's telah dikeluarkan oleh Cawangan Khidmat Nasihat Audit IT, Sektor Pengurusan Korporat.

4. Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara Tahun 2005-2007 dilancarkan pada 25 September 2004.

5. Kabinet meluluskan penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia dan Institut Juruaudit Malaysia pada 27 Oktober 2004.

2004

6. Warta Kerajaan Bil. P.U. (A) 43. bertarikh 29 Januari 2004 bagi membolehkan Ketua Audit Negara mengaudit sejumlah 496 Akaun Syarikat dan Anak Syarikat Kerajaan.
7. Penglibatan di peringkat antarabangsa
 - Penglibatan dalam pasukan penyelidik ASOSAI telah berjaya menghasilkan *ASOSAI Audit ICT Guideline*, *ASOSAI Fraud Auditing Guideline*, *ASOSAI Environmental Audit Guideline* dan *ASOSAI Audit Quality Management System*.
 - Penglibatan *Training Specialist* Jabatan dalam bidang Pengauditan IT dan Pengauditan Alam Sekitar anjuran ASOSAI.
8. Projek Pembangunan
 - Kemajuan kerja projek pembinaan Akademi Audit Negara sehingga 31 Disember 2004 adalah 95.5%.
 - Jabatan telah mengubah suai 4 pejabat dan menyediakan 3 pejabat baru bagi Cawangan Audit Negeri.
 - Talian Audit*Net telah dipertingkatkan kepada 256kbps dan 516kbps di 32 Cawangan Audit seluruh negara.
 - Perolehan server baru bernilai RM3.8 juta untuk meningkatkan saiz storan dan konsep capaian secara berpusat.
9. Pengurusan Sumber Manusia
 - Kursus PTK di semua peringkat telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya.
 - Seramai 114 pegawai/kakitangan Jabatan telah menikmati kenaikan pangkat dan 92 pegawai/kakitangan menerima anjakan gaji.
10. Aktiviti Penyelidikan dan Latihan
 - Sejumlah 7 kajian telah dijalankan.
 - Sejumlah 28 kursus telah dijalankan dan seramai 818 peserta telah mengikuti latihan.
11. Temasya Sukan Audit Se Malaysia kali ke 14 diadakan pada 19 – 21 Ogos 2004 di Kuantan, Pahang. Aktiviti sosial mewujudkan suasana keceriaan di kalangan pegawai / kakitangan Jabatan.

Perutusan Ketua Audit Negara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Jabatan Audit Negara berjaya melaksanakan Rancangan Audit dan Pengurusan tahun 2003 dengan cemerlang sepanjang tahun 2004. Bagi saya pencapaian ini adalah hasil komitmen yang tinggi pegawai dan kakitangan Jabatan yang mengamalkan semangat kerja berpasukan. Pada masa kini, Jabatan sedang giat melaksanakan program pembaharuan seperti pendekatan audit yang baru, *capacity building*, pembangunan infrastruktur, pembangunan insan untuk melahirkan juruaudit yang berwibawa dan profesional. Tujuan pembaharuan ini adalah untuk mempertingkatkan lagi imej Jabatan serta melengkapkan juruaudit dengan persekitaran yang berubah.

Jabatan telah berjaya melaksanakan program anak angkat sebagai salah satu sumbangan ke arah peningkatan akauntabiliti awam di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Perancangan Strategik 2005-2007 yang menjadi asas penting kepada Perancangan Jangka Sederhana Jabatan telah berjaya dihasilkan untuk menempuh cabaran globalisasi dan persekitaran yang terus berubah. Tahun 2004 juga sebagai tahun kejayaan kerana kabinet telah meluluskan penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia dan Institut Juruaudit Malaysia. Di bidang pengurusan, Jabatan telah melaksanakan sepenuhnya SSM dengan mengadakan peperiksaan dan kursus PTK mengikut kehendak SSM dengan jayanya.

Di peringkat antarabangsa, Jabatan amat berbangga kerana telah memainkan peranan yang aktif dan telah diiktiraf sebagai sebuah negara anggota ASOSAI yang komited dan memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan ASOSAI. Pengiktirafan ini boleh dilihat dengan penglibatan secara langsung Jabatan dalam penyediaan Manual Audit ICT, *Fraud Auditing Guidelines*, *Environmental Audit Guidelines* dan *Audit Quality Management System*. Dari segi latihan seramai 4 orang juruaudit dari Jabatan ini terpilih menjadi *training specialist* kepada ASOSAI. Anggota ASOSAI juga telah membuat lawatan sambil belajar ke Jabatan. Jabatan juga telah dipilih oleh Bank Dunia untuk menjadi tempat latihan kepada anggota dan ahli ASOSAI seperti Indonesia dan Nepal.

Di bawah Rancangan Malaysia ke 8, Jabatan telah berjaya melaksanakan projek pembinaan Akademi Audit Negara dan Projek Pengkomputeran Jabatan.

Jabatan juga telah berjaya menganjurkan Sukan Audit Se Malaysia Ke 14 di Kuantan, Pahang. Temasya sukan ini telah berjaya mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai/kakitangan Jabatan di seluruh negara.

Adalah diharapkan laporan ini dapat digunakan oleh pegawai/kakitangan Jabatan untuk mengimbas kembali aktiviti tahun 2004 dan menjadi asas ke arah penambahbaikan pada tahun 2005. Manakala bagi pelanggan pula, laporan ini boleh dijadikan sumber maklumat penting untuk mengetahui perkembangan Jabatan Audit Negara.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Laporan Tahunan ini kerana telah berjaya menyediakan Laporan Tahunan kali yang kedua dengan lebih menarik dan mengandungi banyak maklumat. Ucapan terima kasih juga kepada semua pegawai/kakitangan Ibu Pejabat dan Cawangan Audit Negeri kerana telah memberi sumbangan bermakna bagi menjayakan penerbitan laporan ini.

Sekian terima kasih.

Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
Ketua Audit Negara
Malaysia

31 Disember 2004



Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
Ketua Audit Negara
Malaysia

Maklumat Korporat Jabatan



Pintu Gerbang



Blok Asrama



Dewan Makan



Surau




Villa Jati



Banglo Permata



Pangsapuri Dahlia



Ketua Audit Negara dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Berdasarkan peruntukan Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara diberi kebebasan menjalankan tugas pengauditan.

Peranan utama Jabatan adalah tertakluk kepada Artikel 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun dan aktiviti Kerajaan Persekutuan; Kerajaan Negeri; Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri; Pihak Berkuasa Tempatan; Majlis Agama Islam dan Syarikat Kerajaan serta Anak Syarikat Kerajaan. Ketua Audit Negara menurunkan kuasa kepada pegawai/kakitangan Jabatan Audit Negara untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas pengauditan di Sektor Awam.

Jabatan Audit Negara sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya membantu Kerajaan memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pentadbiran perkhidmatan awam untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Jabatan juga memberi pendapat yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan.

Jenis pengauditan yang dilaksanakan adalah pengauditan penyata kewangan, pengurusan kewangan dan prestasi. Pengauditan penyata kewangan meliputi pengauditan terhadap penyata kewangan sama ada ia mematuhi Standad Perakaunan yang telah ditetapkan. Pengauditan pengurusan kewangan pula meneliti aspek pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Manakala pengauditan prestasi pula melibatkan penilaian terhadap program dan aktiviti sama ada telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.



Pengurusan Tertinggi



Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
Ketua Audit Negara
(Turus III)

Y. Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad
Timbalan Ketua Audit Negara
(Persekutuan)
(JUSA B)



En. Harun bin Ali
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)
(JUSA B)

En. Boon Jon Lin
Pengaruh Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan
(JUSA C)



Tn. Hj. Mustapha bin Naina Maricar
Pengaruh Audit Negeri Sabah
(JUSA C)

Tn. Hj. Mustafa bin Saman
Pengaruh Audit Negeri Sarawak
(JUSA C)




Tn. Hj. Anwari bin Suri
Pengaruh Sektor Pengurusan Korporat
(JUSA C)


En. Mohd Said bin Atan
Pengaruh Audit Sektor Persekutuan
(JUSA C)



Carta Organisasi



Model Akauntabiliti



Keterangan Mengenai Model Akauntabiliti Sistem Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Langkah 1

Draf Anggaran Belanjawan Tahunan Kementerian/Jabatan dihantar untuk kelulusan Perbendaharaan.

Langkah 2

Menteri Kewangan membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan untuk kelulusan Parlimen.

Langkah 3

Anggaran Belanjawan Tahunan diluluskan oleh Parlimen.

Langkah 4

Pengeluaran Waran Am oleh Menteri Kewangan bagi membenarkan pembayaran dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Persekutuan berdasarkan kepada anggaran yang telah diluluskan.

Langkah 5

Kementerian/Jabatan melaksanakan program, aktiviti dan projek serta menghantar laporan perbelanjaan bulanan/suku tahun kepada Perbendaharaan.

Langkah 6

Pada akhir tahun kewangan, Akauntan Negara menyediakan Penyata Kewangan Tahunan dan dihantar kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan.

Langkah 7

Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program, aktiviti dan projek tertentu yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan sebagai tambahan kepada pengauditan Penyata Kewangan Tahunan.

Langkah 8

Ketua Audit Negara menghantar Laporan Audit kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk di perkenan dan dibentangkan di Parlimen selaras dengan Artikel 107 Perlembagaan Persekutuan.

Langkah 9

Ketua Audit Negara mengembalikan semula Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit berserta dengan Sijil Audit kepada Akauntan Negara untuk dibentangkan di Parlimen.

Langkah 10

Penyata Kewangan yang bercetak kemudiannya dibentangkan di Parlimen.

Langkah 11

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan dibentangkan di Parlimen.

Langkah 12

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Persekutuan membincang Laporan Ketua Audit Negara. Mereka akan memanggil Ketua Jabatan/Kementerian/Agensi untuk memberi penjelasan terhadap Laporan Audit. Mereka kemudiannya menyediakan laporan (rumusan/syor) dan diserahkan kepada Parlimen.

Nota: Langkah 10 dan Langkah 11 dilakukan serentak. Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen bersama dengan Penyata Kewangan yang telah diaudit.

Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan

VISI

Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan Dewan Perundangan ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam

OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi.
- Menguruskan aktiviti Audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi majikan contoh.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada standad pengauditan antarabangsa.
- Mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan penyata kewangan tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

Dasar Kualiti, Slogan Kualiti dan Budaya Korporat Jabatan

DASAR KUALITI

Jabatan Audit Negara adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Perakaunan Antarabangsa

SLOGAN KUALITI

Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti

BUDAYA KORPORAT

Profesionalisme

Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

Kebebasan

Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957.

Kualiti

Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

Integriti

Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit.

Espirit de Corp

Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corp* dan berinovasi.

Bertanggungjawab


Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai juruaudit atau kakitangan Jabatan.

Perancangan Strategik Jabatan

Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara bagi tempoh 2005 hingga 2007 disediakan untuk membantu Jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Bersesuaian dengan peranan utama Jabatan, perancangan strategik ini telah menggariskan sasaran dan strategi untuk memastikan kemantapan akauntabiliti awam serta membantu Kerajaan melaksanakan dasar secara berhemat, cekap dan berkesan. Perancangan strategik ini adalah sebagai rangka kerja penyediaan perancangan tahunan secara lebih terperinci untuk mencapai visi, misi dan objektif Jabatan. Perancangan Strategik Jabatan telah dilancarkan oleh Ketua Audit Negara semasa sambutan Hari Kualiti 2004 pada 25 September 2004. Matlamat Perancangan Strategik Jabatan 2005 – 2007 akan dicapai melalui sasaran dan strategi seperti berikut:

<p>Sasaran 1 : Mempertingkatkan Kualiti Kerja Pengauditan</p>	<p>Strategi I – Jaminan Standard Kualiti Audit Strategi II – Usaha Penambahbaikan Pendekatan Pengauditan Strategi III – Ke Arah Kualiti Kerja Cemerlang</p>
<p>Sasaran 2 : Meningkatkan Keupayaan Khidmat Nasihat</p>	<p>Strategi I – Pematuhan Terhadap Prosedur Strategi II – Peningkatan Ilmu Dan Teknik Khidmat Nasihat</p>
<p>Sasaran 3 : Mempertingkatkan Penguasaan ICT</p>	<p>Strategi I - Penstrukturan Semula Dan <i>Re- Engineering</i></p>
<p>Sasaran 4 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Sumber Manusia</p>	<p>Strategi I - Pengurusan Sumber Manusia Yang Berkesan Strategi II – Menyediakan Program Latihan Berkesan</p>
<p>Sasaran 5 : Memperteguhkan Budaya Kerja</p>	<p>Strategi I – Melaksanakan Prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)</p>
<p>Sasaran 6 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Kewangan Jabatan</p>	<p>Strategi I – Meningkatkan Tahap Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Ibu Pejabat Dan Negeri-Negeri</p>
<p>Sasaran 7 : Mempertingkatkan <i>Delivery System</i></p>	<p>Strategi I – Bertindak Cepat Terhadap Keperluan Audit Tertakluk Kepada Akta Audit 1957 Strategi II – Memperbaiki Kualiti Perkhidmatan Jabatan dan Sistem Maklumat</p>
<p>Sasaran 8 : Mewujudkan Suasana Yang Lebih Kondusif</p>	<p>Strategi I – Mempertingkatkan Kualiti Tempat Kerja</p>

Kod Etika Juruaudit dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.



Kawalan Dalaman

Pasukan Naziran Jabatan Audit Negara ditubuhkan bertujuan untuk memastikan kawalan dalaman Jabatan adalah mencukupi bagi mewujudkan sistem kewangan dan pentadbiran yang telus, bersih, cekap dan amanah.

Objektif pemeriksaan pasukan ini adalah seperti berikut:

- Memastikan wujud sistem kawalan dalaman pengurusan kewangan dan pentadbiran yang baik.
- Memastikan rekod kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber diselenggarakan dengan lengkap dan mengikut peraturan.
- Menentukan harta modal dan inventori dikawal dan rekod dikemaskini mengikut peraturan.
- Menentukan tahap kesedaran pihak pengurusan mengenai penggunaan perkakasan dan perisian komputer mengikut pekeliling yang dikeluarkan.
- Memastikan semua pekeliling, panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Agensi Pusat dan Ibu Pejabat dipatuhi dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Pasukan Naziran Jabatan dianggotai oleh 7 orang pegawai Audit yang telah dilantik oleh Ketua Audit Negara.

Pada tahun 2004, Unit Naziran telah menjalankan pengauditan di 8 Cawangan Audit Negeri berikut:

TARIKH	CAWANGAN AUDIT NEGERI
16 – 20/2/2004	Pahang
24 – 27/2/2004	Pulau Pinang
13 – 16/4/2004	Sarawak
20 – 28/4/2004	Sabah
10 – 15/7/2004	Kelantan
26 – 31/7/2004	Melaka
5 - 8/10/2004	Perlis
11 - 15/10/2004	Negeri Sembilan

Pengauditan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan dan 4 Cawangan Audit Negeri telah dijalankan pada tahun 2003. Manakala pengauditan bagi Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan akan dijalankan pada tahun 2005.

Hasil pemeriksaan oleh Pasukan Naziran mendapati beberapa langkah penambahbaikan segera telah diambil tindakan oleh Cawangan Audit Negeri berkenaan bagi mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan dan pentadbiran mereka. Hasil pemeriksaan juga telah dijadikan asas kepada penyediaan Perancangan Strategik Jabatan.

Prestasi Belanjawan Mengurus Dan Pembangunan

Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003 dan 2004

PERKARA	2003		2004	
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Emolumen	43,121,765	43,121,765	43,949,250	44,571,171
Perkhidmatan dan Bekalan	18,196,411	18,196,411	20,920,300	18,573,793
Aset	3,018,867	3,018,867	1,615,950	847,0989
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	2,153	2,153	8,000	2,532
Lain-lain Perbelanjaan	11,504	11,437	30,000	20,218
Jumlah	64,350,700	64,350,633	66,523,500	64,014,812

Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2003 dan 2004

PERKARA	2003		2004	
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Pembinaan Akademi Audit Negara	13,419,881	13,204,805	22,100,000	15,893,795
Perolehan Komputer	2,700,000	2,267,000	3,864,693	3,833,576
Jumlah	16,119,881	15,471,805	25,964,693	19,727,371

Mesyuarat Jabatan

Jabatan Audit Negara telah mengadakan mesyuarat setiap bulan atau secara berkala sebagaimana arahan ditetapkan seperti berikut:

MESYUARAT PAGI

Mesyuarat pagi membincangkan semua hal ehwal pengurusan Jabatan dan kemajuan kerja setiap Sektor. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Audit Negara, Pengarah Sektor, Timbalan Pengarah Sektor, Bahagian Audit Sekolah Kementerian Pelajaran dan UAD Kementerian Kewangan. Antara isu yang dibincangkan ialah:

- Makluman mengenai penglibatan Ketua Audit Negara dan Pegawai Kanan dalam mesyuarat di peringkat persekutuan dan negeri, penglibatan dalam seminar dan kursus di peringkat antarabangsa
- Laporan Aktiviti dan Kemajuan Kerja Bulanan setiap Sektor dan UAD
- Laporan Kewangan Bulanan JAN
- Ceramah Eksekutif Bulanan
- Pelaksanaan Program Latihan
- Projek Pengkomputeran Fasa V Jabatan Audit Negara
- Projek Akademi Audit Negara
- Persediaan Sambutan 100 Tahun Institusi Ketua Audit Negara

Mesyuarat Pengurusan di peringkat Sektor dan Negeri juga diadakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Pengarah Sektor dan Pengarah Audit Negeri masing-masing. Mesyuarat ini juga membincangkan mengenai kemajuan kerja pengauditan dan pengurusan di peringkat Sektor dan Negeri.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun telah berjaya diadakan setiap dua bulan. Ianya dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan tumpuan perbincangan adalah mengenai kedudukan kewangan Jabatan yang merangkumi segala aspek pengurusan kewangan. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai Jawatankuasa Audit Jabatan di mana segala penemuan yang dibangkitkan oleh Pasukan Naziran dibincangkan dan diselesaikan.

MESYUARAT JAWATANKUASA STANDAD PENGAUDITAN

Jawatankuasa Standad Pengauditan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali. Ianya dipengerusikan oleh Pengarah Sektor Pengurusan Korporat dan dianggotai oleh 10 orang pegawai dari setiap Sektor yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan. Perkara yang telah dibincangkan ialah:

- Draf Standad Pengauditan Prestasi INTOSAI
- Kod Etika Juruaudit
- Membincangkan soal selidik yang diterima dari negara luar bertajuk *Presentation and Exam Regarding the Rendering of Accounts*
- Mengemas kini Manual Jabatan mengenai Standad Pengauditan
- Membincangkan Perancangan Strategik Jabatan
- *Exposure Draft* mengenai standad pengauditan atau terbitan daripada MIA, INTOSAI dan ASOSAI.

MESYUARAT JAWATANKUASA STANDAD PERAKAUNAN

Mesyuarat Jawatankuasa Standad Perakaunan telah dipengerusikan oleh Pengarah Sektor Pengurusan Korporat dan dianggotai oleh 9 orang pegawai Jabatan yang mewakili setiap Sektor yang mempunyai latar belakang perakaunan dan pengauditan. Jawatankuasa ini telah mengadakan 4 kali mesyuarat dan bertanggungjawab untuk memastikan standad perakaunan yang diamalkan semasa menjalankan pengauditan mematuhi Standad Perakaunan Antarabangsa. Perkara yang telah dibincangkan ialah:

- *Treatment* terhadap perabot dan kelengkapan mengikut *Malaysian Accounting Standard Board (MASB) 2, 8, 15 dan 19.*
- Membincangkan *Questionnaire on Review of International Federation of Accountant Committee (IFAC), Public Sector Committee.*
- Membincangkan mengenai *Revenue from Non- Exchange Transactions (Including Taxes and Tranfers)* dan Perakaunan terhadap polisi Kerajaan (MASB 37).
- *Proposed Improvements to MASB Standards (MASB ED 38 & 39)*

MESYUARAT JAWATANKUASA KEUTUHAN PENGURUSAN

Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan telah mengadakan 4 kali mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi memastikan keutuhan pentadbiran dan pengurusan Jabatan serta

mempertingkatkan nilai murni di samping berusaha untuk memperbaiki kelemahan. Di antara perkara penting yang diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Pengurusan Sumber Manusia
- Keselesaan Tempat Kerja
- Lawatan Ketua Audit Negara ke Cawangan Audit Negeri
- Laporan Pemeriksaan oleh Pasukan Naziran Jabatan
- Amanat Ketua Audit Negara 2004

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara serta dihadiri oleh 4 wakil Jabatan yang mewakili Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I dan II, Kumpulan Mahir serta Separuh Mahir dan Tidak Mahir. MBJ telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dan telah membincangkan mengenai kebajikan kumpulan perkhidmatan seperti berikut:

- Penstrukturan Semula Jabatan
- MBJ Cawangan Audit Negeri
- Penubuhan Institut Juruaudit Malaysia
- Penilaian Tahap Kecekapan
- Juruaudit Yang Dilantik Melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan
- Keselesaan Tempat Kerja
- Urusan Kenaikan Pangkat

Mesyuarat MBJ juga telah diadakan di peringkat negeri dan laporan dari setiap negeri dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

Penglibatan Dalam Jawatankuasa Di Peringkat Persekutuan Dan Negeri

Jawatankuasa yang dianggotai oleh Ketua Audit Negara di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Pembangunan Negara
- Jawatankuasa Tindakan Negara
- Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kewangan
- Jawatankuasa Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan
- Jawatankuasa Ketua-Ketua Eksekutif Badan-Badan Berkanun Persekutuan
- Jawatankuasa Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
- Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara
- Jawatankuasa Pemandu Kerajaan Elektronik
- Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah Instituit Integriti Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia

Jawatankuasa/panel/kelab yang dianggotai oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) :

- Panel Anugerah Kualiti Perdana Menteri - MAMPU
- Jawatankuasa Kerja Kepada MAMPU

- Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai MAMPU
- Keutuhan Pengurusan Kerajaan MAMPU
- Majlis Bersama Jabatan JPM
- Lembaga Penilaian Kompetensi JPM
- Naib Yang Di Pertua MAKSIP Jabatan Perkhidmatan Awam

Jawatankuasa yang dianggotai oleh Pengarah Sektor Pengurusan Korporat :

- Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT)
- Jawatankuasa Pemandu Kerajaan Elektronik

Di peringkat negeri, Jawatankuasa yang dianggotai oleh Pengarah Audit Negeri :

- Jawatankuasa Pembangunan Negeri
- Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan Sarawak
- Jawatankuasa Ketua Jabatan Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan
- Jawatankuasa Integriti Kerajaan Negeri
- Jawatankuasa IT Dan Internet Kerajaan
- Jawatankuasa Pengaduan Awam Negeri
- Jawatankuasa Tetap Kewangan Dan Belanjawan Kerajaan Negeri
- Jawatankuasa Panel Anugerah Pengurusan Negeri

Rencana

Peranan Pengauditan Kontrak Pembinaan Untuk Meningkatkan Akauntabiliti Awam

Pengauditan Kontrak Pembinaan oleh Jabatan Audit Negara telah bermula sejak tahun 1975 lagi. Bagaimanapun, pengauditan kontrak pada waktu itu hanya tertumpu kepada pemeriksaan baucar secara *judgemental sampling* sahaja. Skop, teknik dan kualiti pengauditan pula adalah bergantung kepada inisiatif dan pengalaman Juruaudit yang menjalankan pengauditan baucar. Pada tahun 1975, Jabatan telah menubuhkan satu seksyen kecil di Bahagian Audit Persekutuan yang dianggotai oleh pegawai yang berpengalaman dalam pengauditan kontrak. Seksyen itu dinamakan *Appraisal Audit* yang mengaudit beberapa projek pembinaan. Bagaimanapun fokus pengauditannya terhad kepada menentukan syarat-syarat kontrak dipatuhi serta melakukan lawatan ke tapak projek pembinaan untuk mengesahkan projek disiapkan mengikut jadual. Seterusnya pada tahun 1981, struktur organisasi Jabatan di Bahagian Audit Persekutuan dan Negeri telah dibahagikan kepada Pengauditan Kewangan dan Pengauditan Prestasi. Seksyen Audit Prestasi yang ditempatkan di Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menjalankan beberapa kajian projek pembinaan seperti Rancangan Bekalan Air Luar Bandar, Pembinaan Kuari Pusat Baru Selangor, Ubahsuai Bangunan, Rancangan Pembinaan Lebuhraya, Pembinaan Sekolah Rendah dan Menengah, Rancangan

Perumahan Kos Rendah, Rancangan Hospital Besar Baru, Rancangan Jalan Luar Bandar, Pejabat Tapak dan Perumahan Kontraktor dan Projek Lebuhraya Kuantan – Segamat.

Pada tahun 1987, Jabatan telah menukar polisinya memberi tumpuan terhadap pengauditan Penyata Kewangan. Manakala pengauditan prestasi telah ditunda sehingga prestasi kerja pengauditan Penyata Kewangan telah mencapai satu tahap memuaskan. Dalam struktur organisasi baru, satu seksyen khas telah ditubuhkan di Cawangan Audit JKR untuk menjalankan pengauditan kontrak dan kajian khas. Pada mulanya, pengauditan yang dijalankan hanya tertumpu terhadap kontrak Persekutuan di mana Pegawai Penguasa ditempatkan di Ibu Pejabat JKR.



Projek Bangunan MATRADE bernilai RM 167 juta sepatutnya siap pada 16 Februari 1997. Bagaimanapun sehingga kini projek belum siap lagi.



Pembinaan Jalan Di Kawasan Berbukit - Kerja memotong dan menambun tanah tidak mengikut spesifikasi.

Pada awal tahun 1991, satu draf panduan audit bagi kontrak projek pembinaan telah disediakan. Seterusnya panduan audit itu telah dibentang dan diluluskan semasa Persidangan Pegawai Kanan Jabatan di Johor Bahru pada 27 hingga 29 Mei, 1992. Mulai tahun 1992 juga, Panduan Audit Pengauditan Kontrak Projek Pembinaan telah mula digunakan.

Pada tahun 1995, Jabatan telah mengenalpasti untuk menjalankan pengauditan projek pembinaan, ia memerlukan khidmat nasihat terhadap aspek

teknikal daripada Jurutera. Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan satu jawatan Jurutera Gred J48. Beliau diamanahkan untuk memberi latihan kepada Juruaudit dalam bidang kejuruteraan secara teori dan praktikal. Khidmat nasihatnya juga diminta semasa Juruaudit menjalankan pengauditan projek pembinaan. Kesannya, kualiti kerja pengauditan telah dapat dipertingkatkan lagi dan bilangan pengauditan telah bertambah di sektor Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan setiap tahun.

Di Malaysia, JKR adalah Jabatan yang paling banyak melaksanakan Projek Pembinaan. JKR bertanggung jawab terhadap pembangunan, perancangan, reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya, lapangan terbang, jeti dan jambatan, bekalan air, pejabat kerajaan dan kuarters kerajaan. Bagaimanapun jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah juga terlibat dalam pelaksanaan projek pembinaan. Oleh itu, setiap pengauditan yang dijalankan melibatkan Jabatan/Kementerian berkenaan.

Tugas pengauditan projek pembinaan pada masa kini terus mencabar dengan kepesatan pembangunan negara. Oleh itu, bilangan projek pembinaan yang telah diaudit oleh Jabatan telah meningkat setiap tahun bagi tempoh 1999 hingga 2004 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Projek Di Audit
2004	41
2003	27
2002	21
2001	20
2000	16
1999	15

Sebanyak 30% daripada tajuk pengauditan Prestasi bagi Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Akaun Kerajaan Persekutuan tahun 2003 menyentuh mengenai pengauditan kontrak pembinaan. Semasa melaksanakan pengauditan projek pembinaan, Juruaudit akan meneliti aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek

seperti berikut:

- i) Perancangan
 - Struktur Pengurusan
 - Keperluan Pembinaan
 - Penetapan Lokasi Dan Kajian Tanah
 - Keperluan/Peruntukan Kewangan
 - Projek *Brief*
 - Penyediaan Reka Bentuk Dan "*Site Layout Plan*"
 - Pemilikan Tanah Untuk Tapak
 - Permulaan Pembinaan Penjadualan Kerja
 - *Preliminaries*
 - Kaedah Pelaksanaan
 - Kajian Kemungkinan
 - Penyediaan Tender Dokumen
- ii) Pelaksanaan
 - Perlantikan Kontraktor
 - Penetapan Harga Kontrak
 - Perjanjian Kontrak
 - Syarat Kontrak
 - Pematuhan Syarat Kontrak
 - Tender
 - Pengawasan
 - Bayaran
 - Minit Mesyuarat Tapak
 - Buku Harian Tapak Bina
 - Pengawasan Tapak Bina
 - Mutu Kerja Dan Kawalan Kualiti Bahan
 - Pembelian Bahan Binaan
 - Lanjutan Masa
 - Surat Amaran/Teguran
 - Bayaran Kemajuan
 - Penyerahan Tapak
 - Peranan Jabatan Pelanggan
- iii) Pemantauan
 - Pasukan Projek
 - Mesyuarat Tapak
 - Mesyuarat Teknikal
 - Laporan Kemajuan
 - Penyeliaan
 - Pemeriksaan Fizikal
 - Laporan Kemajuan
 - Kerja Kecacatan Dan Pembaikan Kecacatan

- Ujian pemasangan dan kegunaan
- Pembersihan kawasan tapak bina
- *As Built Trinity*
- Sijil Perakuan Siap Kerja
- Sijil Perakuan Muktamad

Projek Pembinaan yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan terus bertambah setiap tahun. Bagaimanapun Jabatan mampu merancang dan melaksanakan Pengauditan Kontrak secara sampel dan berdasarkan kepada sumber manusia dan kewangan yang ada. Juruaudit telah berjaya mengesan pelbagai masalah dalam pengurusan kontrak dan pengawasan pelaksanaan projek pembinaan. Garis Panduan Pengauditan Prestasi dan Garis Panduan Bagi Pengauditan Projek Pembinaan telah digunakan untuk pengauditan projek pembinaan.

Juruaudit menjalankan tugas pengauditan dengan merujuk kepada Manual Audit Prestasi. Aspek Perancangan Strategik diteliti dengan mengambil kira objektif, pelan strategik, pemilihan topik, jangkaan impak yang menyeluruh, auditabiliti dan pengauditan yang meliputi beberapa agensi.

Pendekatan pengauditan prestasi telah berubah dengan kaedah menganalisis prosedur, penggunaan data sedia ada atau bukti yang disediakan oleh agensi, analisis hasil kerja audit, kajian kes, *survey* analisis kuantitatif dan kualitatif. Oleh itu, semua peringkat Juruaudit perlu membuat lawatan ke

tapak projek pembinaan untuk membuat penilaian terhadap kualiti kerja projek pembinaan.

Memandangkan pemerhatian audit dikeluarkan sebelum luputnya tempoh tanggungan kecacatan, tindakan pembetulan telah dapat membantu kejayaan pelaksanaan projek. Contohnya Ketua Audit Negara telah membuat teguran terhadap Projek Pembinaan Bangunan MATRADE, Projek Pembinaan Hospital, Projek Pembinaan Sekolah, Projek Jalan Raya, Projek Ampangan dan lain-lain.



Projek Pembinaan Empangan Ulu Sg. Muar, Kuala Pilah Negeri Sembilan.



Bahan binaan (besi) terdedah kepada hujan dan panas mengakibatkan berkarat.



Konkrit Rasuk Bangunan Pecah dan Retak. Konkrit telah gugur, menampakkan besi konkrit berkarat dan berlaku keretakan.

Sebagai kesimpulannya, pengauditan kontrak pembinaan yang dijalankan oleh Jabatan pada masa kini adalah lebih sistematik dan berkesan. Pengauditan bidang kejuruteraan di Jabatan juga telah diperluaskan dan meliputi juga bidang pengauditan alam sekitar. Pengauditan Alam Sekitar telah mula dilaksanakan pada tahun 2000 dan sehingga kini sebanyak 78 kajian telah berjaya dilaksanakan. Melalui pengauditan ini Jabatan telah berjaya untuk mencapai misi dan visinya bagi menilai tahap akauntabiliti awam dalam bidang kontrak pembinaan. Untuk meningkatkan tahap akauntabiliti awam segala teguran dan syor Ketua Audit Negara hendaklah diberi perhatian serius oleh semua Jabatan/Agensi pelaksana projek pembinaan. Tanpa tindakan yang positif, pembaziran dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan akan terus berlaku.

Pengurusan Sumber Manusia Yang Mampan

Penekanan utama dalam pengurusan sumber manusia di Jabatan Audit Negara adalah pengurusan personel yang merangkumi aspek kemahiran, bakat dan kreativiti serta daya usaha dan kepimpinan yang mampu memberikan sumbangan kepada pencapaian Jabatan. Ia juga amat menitik beratkan perkembangan dan dorongan sumber manusia yang diperlukan oleh organisasi untuk mencapai objektif Jabatan. Penggunaan kemahiran dan kebolehan pekerja secara optimum amat penting untuk menentukan kecemerlangan organisasi. Jabatan telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan teratur.

Urusan Pengambilan Dan Perjawatan

Jabatan telah melaksanakan urusan pengambilan dan pengisian jawatan sebanyak 1,517 jawatan yang merangkumi kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 275 orang dan kumpulan Sokongan seramai 1,242 orang. Sebanyak 42 jawatan masih belum diisi.

Penstrukturan Semula Jabatan

Dalam proses penstrukturan semula Jabatan, terdapat perubahan urusan perjawatan yang melibatkan penambahan jumlah kakitangan Jabatan dari semasa ke semasa. Di antaranya ialah permohonan jawatan bagi Akademi Audit Negara yang melibatkan seramai 62 perjawatan yang dipohon pada tahun 2004, yang merangkumi seramai 12 perjawatan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 50 jawatan lagi dalam kumpulan Sokongan.

Pewujudan perjawatan di Akademi Audit Negara adalah selaras dengan misi untuk mempertingkatkan budaya kerja cemerlang melalui latihan yang berkualiti. Objektif penubuhan Akademi Audit Negara adalah mengendalikannya dengan cekap dan berkesan kepada semua anggota Jabatan dalam bidang pengauditan, perakaunan, teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT) dan pengurusan. Selain itu ia bertanggungjawab membentuk dan melahirkan pegawai audit yang bersikap positif, terlatih, cekap, mahir dan berwibawa serta berilmu untuk menjalankan pengauditan dengan lebih berkesan, dan memajukan penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan prestasi Jabatan.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2004, Jabatan telah berjaya melaksanakan urusan pengesahan perkhidmatan bagi kakitangannya yang melibatkan seramai 26 orang yang telah disahkan dalam perkhidmatan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bagi kumpulan Sokongan pula, seramai 30 pegawai/kakitangan telah disahkan dalam perkhidmatan sepanjang tahun ini.

Perlanjutan Tempoh Percubaan

Bagi tahun 2004, seramai 2 pegawai/kakitangan Jabatan telah diberi perlanjutan Tempoh Percubaan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 4 pegawai/kakitangan dalam kumpulan Sokongan.

Kemasukan Dalam Jawatan Berpencen

Pada tahun 2004, seramai 11 pegawai/kakitangan Jabatan telah diluluskan dalam jawatan berpencen. Seramai 5 pegawai/kakitangan adalah dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 6 pegawai/kakitangan lagi adalah kumpulan Sokongan. Pemilihan ke skim berpencen adalah tinggi bagi kakitangan Jabatan selaras dengan perlindungan hak pencen ke atas kakitangan perkhidmatan awam yang dilaksanakan oleh JPA.

Urusan Persaraan

Jabatan telah menguruskan urusan persaraan seramai 15 pegawai/kakitangan yang bersara

wajib iaitu melibatkan 5 pegawai/kakitangan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 10 pegawai/kakitangan kumpulan Sokongan. Bagi pegawai/kakitangan yang telah bersara pilihan pula, seramai 11 pegawai/kakitangan telah diluluskan untuk bersara pilihan dan kesemuanya adalah dari kumpulan sokongan. Sepanjang tempoh ini juga, seorang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seorang lagi dalam kumpulan Sokongan telah meninggal dunia ketika dalam perkhidmatan.

Urusan Kenaikan Pangkat Di Bawah Skim Sistem Saraan Malaysia

Berikutan dengan pelaksanaan (SSM) yang telah berkuatkuasa mulai 1 November 2002, Jabatan telah melaksanakan beberapa gred jawatan kenaikan pangkat yang baru. Di samping itu, bagi urusan kenaikan pangkat yang sedia ada bagi mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat diteruskan seperti biasa. Jabatan telah berjaya dengan sepenuhnya melaksanakan urusan kenaikan pangkat. Ini dapat dilihat dengan pewujudan bilangan pegawai yang telah berjaya dalam urusan kenaikan pangkat di sepanjang tahun 2004. Seramai 15 Juruaudit Gred W48 telah berjaya dalam urusan pemangkuan ke Gred W52, di mana 2 pegawai/kakitangan daripadanya mengisi jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi Gred W54. Bagi Juruaudit Gred W41 pula, seramai 45 pegawai/kakitangan telah berjaya dalam urusan pemangkuan ke Gred W44. Seramai 4 pegawai/kakitangan daripadanya mengisi jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP) Gred W48 dan seorang memegang jawatan anggota pinjaman bagi mengisi Gred W48 di Universiti Utara Malaysia. Seramai 25 pegawai telah diperakukan kenaikan pangkat ke Gred W32 daripada Gred W27. Bagi kakitangan yang berjawatan Pembantu Juruaudit Gred W22 pula, seramai 14 pegawai telah diperakukan kenaikan pangkat ke Gred W26. Seramai 14 pegawai yang memegang jawatan Pembantu Juruaudit Gred W17 pula telah berjaya diperakukan kenaikan pangkat ke Gred W22.

Penilaian Tahap Kecekapan

SSM telah dilaksanakan pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2002.

Melalui SSM ini, Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) telah diperkenalkan berasaskan kompetensi. PTK adalah satu kaedah untuk menentukan pergerakan gaji tahunan dan syarat bagi tujuan kenaikan pangkat.

Sehubungan itu, Jabatan telah berjaya melaksanakan Peperiksaan PTK pada 21 dan 22 Oktober 2003 yang melibatkan Juruaudit Gred W41, Penolong Juruaudit Gred W32, Penolong Juruaudit Gred W27, Pembantu Juruaudit Gred W22 dan pembantu Juruaudit Gred W17. Peperiksaan ini telah diadakan di pusat peperiksaan yang ditetapkan di seluruh Negara.

Namun begitu, pada 8 Julai 2004 satu mesyuarat telah diadakan oleh JPA yang telah menetapkan markah lulus bagi Peperiksaan Tahap Kecekapan bagi tahun 2003 adalah 60% tertakluk kepada kuota 10% hingga 15% daripada bilangan calon yang menduduki peperiksaan PTK. Pengesahan dan kelulusan keputusan Peperiksaan dilaksanakan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi, JPM pada 21 September 2004.

JADUAL 1

Berikut adalah pindaan baru keputusan Penilaian Tahap Kecekapan yang telah dikeluarkan pada 21 September 2004.

Gred Jawatan	Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)	Lulus	Lulus Bersyarat	Tidak Melempi Tahap Kecekapan	Tidak Hadir
W41	PTK1	15	54	28	4
	PTK2	2	6	6	0
W32	PTK3	9	30	125	8
W27	PTK1	29	211	20	16
	PTK2	8	48	3	6
W22	PTK3	9	19	23	2
W17	PTK1	4	61	12	3
	PTK2	4	19	3	0
JUMLAH		80	448	220	39

SSM telah dilaksanakan pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2002.

Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan perkhidmatan bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W27 telah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2004. Peperiksaan Perkhidmatan bagi bil. 1/2004 telah diadakan pada 7 hingga 9 Jun 2004. Peperiksaan kedua pula iaitu bil. 2/2004 telah diadakan pada 6 hingga 8 Disember 2004. Tujuan utama peperiksaan ini adalah untuk pengesahan dalam perkhidmatan dan memenuhi sebahagian daripada syarat untuk pertimbangan kenaikan pangkat bagi yang dilantik melalui kenaikan pangkat secara lantikan.

JADUAL 2

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan bagi tahun 2004 telah diadakan pada 14 dan 15 September 2004. Bilangan calon yang menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

GRED JAWATAN	PTK1	PTK2	PTK3
W41	117	11	
W32			157
W27	286	54	
W22			34
W17	75	24	
JUMLAH	478	89	211

Peperiksaan KPSL

Jabatan telah berjaya melaksanakan urusan peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Ke Skim Perkhidmatan (KPSL) bagi jawatan Penolong Juruaudit Gred W27 pada tahun 2004. Peperiksaan ini telah diadakan pada 7 hingga 8 Jun 2004.

Peperiksaan perkhidmatan ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

- Bahagian II - Perlembagaan dan Undang-Undang
- III - Perakaunan
- IV - Pengauditan

JADUAL 3

Bilangan calon yang menduduki peperiksaan bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W27 adalah seperti berikut:

	Peperiksaan Bil.1/2004		Peperiksaan Bil.2/2004	
	Gred W41	Gred W27	Gred W41	Gred W27
Bahagian II	33	94	38	107
Bahagian III	48	113	56	102
Bahagian IV	40	129	36	103
JUMLAH	121	336	130	312

Penempatan /Pertukaran Pegawai Dan Dasar Pertukaran Jabatan

Jabatan telah melaksanakan urusan penempatan pegawai yang dilantik di Bahagian serta Cawangan yang telah diwujudkan berdasarkan penstrukturan semula Jabatan. Penempatan pegawai adalah berdasarkan perjawatan yang dipantau dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan jumlah perjawatan Jabatan yang diluluskan. Pertukaran pegawai juga dilaksanakan oleh Jabatan dengan jayanya berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh mereka disamping pertukaran dilakukan dari semasa ke semasa sepanjang tahun.

Dengan terlaksananya urusan pertukaran dan penempatan ini, kakitangan berpeluang untuk menimba pengalaman baru di tempat bertugas yang berlainan bagi meningkatkan kemahiran serta pengalaman pegawai/kakitangan Jabatan. Di samping itu juga, ia memberikan peluang kepada mereka menguji bakat kepimpinan sebagai asas pembentukan kepada pelapis pemimpin Jabatan pada masa akan datang.

Sepanjang tahun 2004, Jabatan telah melaksanakan urusan pertukaran dan penempatan dengan jayanya melibatkan pelbagai jawatan. Seramai 176 pegawai/kakitangan telah melalui proses pertukaran dan penempatan ini, yang melibatkan seramai 83 pegawai/kakitangan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala seramai 93 pegawai/kakitangan lagi dari kumpulan Sokongan.

Sistem SISPEN

SISPEN Versi 4.1 merupakan Sistem Pengurusan Personel Jabatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan telah dilaksanakan oleh Jabatan secara berterusan sepanjang tahun 2004. Ianya dilaksanakan oleh pegawai Jabatan di Bahagian Pengurusan dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sistem SISPEN 4.1 ini adalah berlandaskan kepada Windows 95/98/2000/NT/ME yang dapat memberikan kemudahan dan kepuasan optimum kepada penggunanya.

Bagi melaksanakan sistem ini, Jabatan telah mengadakan satu kursus pendedahan SISPEN pada 1 hingga 3 Jun 2004 kepada semua pegawai yang menjaga urusan maklumat personel di cawangan Audit seluruh Negara. Kursus ini telah dibantu oleh wakil daripada Bahagian Teknologi Maklumat daripada JPA. Seramai 44 peserta terlibat dalam kursus ini, dan objektif utamanya adalah memberikan pendedahan cara pengisian data dalam SISPEN; memberikan penekanan perkara yang perlu dititikberatkan dalam sistem dan memastikan Jabatan mempunyai satu pengkalan data personel awam yang terkini.

Secara amnya, sistem ini mengandungi modul yang menyimpan maklumat personel setiap pegawai/kakitangan Jabatan berdasarkan maklumat peribadi dan rekod perkhidmatan kakitangan. Tujuan utama pelaksanaannya adalah untuk memastikan agensi mempunyai data personel yang terkini dan menguruskannya dengan cekap dan berkesan bagi memudahkan urusan pentadbiran personel disamping memudahkan pihak pengurusan atasan

merancang sumber tenaga manusia; supaya pihak JPA mempunyai satu Pengkalan Data Personel Awam yang kemaskini hasil daripada pengumpulan data terkini setiap agensi dan Jabatan di seluruh Negara; dan memastikan data personel yang terkini di agensi dan Jabatan mudah ditukarkan ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HIRMIS).

Terdapat 9 modul utama dalam perisian SISPEN 4.1 ini iaitu Modul Maklumat Personel, Modul Data Perjawatan, Modul Cuti Personel, Modul Penilaian Prestasi, Modul Pinjaman Kerajaan, Modul Lembaran Gaji, Modul Penempatan, Modul Kompetensi dan Modul Kepakaran. Sebagai langkah proaktif JAN, Ketua Audit Negara telah mengarahkan sistem ini dikemaskini dalam tempoh satu bulan dari tarikh kursus Jun 2004.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992, Jabatan telah mewujudkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Majlis berfungsi sebagai

saluran dua hala untuk pihak pekerja berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang ide demi kepentingan organisasi dan kebajikan para pekerja. Sepanjang tahun 2004, MBJ Jabatan telah mengadakan 4 kali mesyuarat sebagai memenuhi keperluan syarat dalam pekeliling tersebut.

Sebagai kesimpulannya, Jabatan mengambil perhatian yang serius terhadap pengurusan sumber manusia. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat Jabatan ke arah Pengurusan Sumber Manusia yang mampan untuk mewujudkan *k-workers*.



Penerima Anugerah 25 Tahun Perkhidmatan di Jabatan Audit Negara



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JAN bagi tahun 2004

Kecemerlangan Jabatan Melalui Program Latihan

Pada masa yang lalu Cawangan Latihan dikenali sebagai Unit Latihan dan Sistem (ULAS) yang bertanggung jawab kepada pengendalian peperiksaan dalaman dan pengurusan unit perpustakaan. ULAS diketuai oleh seorang Juruaudit Kanan dan dibantu oleh beberapa orang Juruaudit dan kakitangan sokongan. ULAS ditempatkan di Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur sehingga tahun 2000. Pada tahun 1995, ULAS kemudian ditukar kepada Bahagian Pengurusan Maklumat dan Latihan (BPML) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. BPML mempunyai fungsi yang sama, diketuai oleh Ketua Juruaudit Gred W2 yang dibantu oleh 6 Juruaudit dan 9 pegawai sokongan. Pada tahun 2002, setelah penstrukturan semula BPML ini dikenali sebagai Cawangan Latihan di bawah Sektor Pengurusan Korporat di Putrajaya yang diketuai oleh Ketua Juruaudit Gred W48 dan dibantu oleh 8 orang Juruaudit dan 8 orang kakitangan sokongan.

Objektif Cawangan Latihan masa kini adalah merancang dan menyediakan program latihan bagi melatih kakitangan Jabatan Audit Negara. Fokus utama rancangan latihan adalah selaras dengan matlamat Perancangan Strategik Jabatan untuk meningkatkan kualiti pengauditan, keupayaan memberi khidmat nasihat dan penguasaan ICT serta mengamalkan budaya kerja yang cemerlang.

Terdapat 4 program asas latihan iaitu, mengendalikan Kursus-kursus Am, Kursus ICT, Pengauditan, Perakaunan serta mengendalikan kursus luar bersama agensi luar, antaranya adalah ASOSAI dan INTOSAI. Selain menyediakan kemudahan peralatan dan bantuan visual, penginapan peserta, membekalkan nota syarahan, penceramah, Cawangan Latihan mempelawa penceramah luar untuk memberikan ceramah mengikut bidang dan kepakaran tertentu.

Dari semasa ke semasa Bahagian Kursus Am

mengendalikan Kursus Induksi Umum bagi pegawai yang baru dilantik dalam perkhidmatan di Jabatan Audit Negara, Kursus Pembangunan Insan, Integriti, Pentadbiran Pejabat, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan *Training for trainers*. Dalam bidang Pengauditan antara kursus yang ditawarkan adalah Kursus Pengauditan Pejabat Tanah, Pengauditan Kontrak, Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan beberapa bengkel analisis penyata kewangan serta penyediaan manual pengauditan. Dalam bidang komputer dan teknologi maklumat (ICT), antara bengkel yang telah dianjurkan ialah Bengkel SPEKS, e-SPKB, Bengkel SISPEN dan ACL. Bahagian perakaunan memberikan kursus pemahaman dan aplikasi MASB, terutama kepada mereka yang ingin menduduki peperiksaan bagi kertas perakaunan dan pegawai yang tidak mempunyai asas dalam bidang perakaunan.

Pegawai Jabatan juga telah berpeluang menghadiri kursus lanjutan di negara anggota ASOSAI. Terdapat pegawai audit yang menghadiri latihan khusus mengenai pengauditan alam sekitar di Intanlia, Turki.

Ceramah Eksekutif bulanan telah dilaksanakan dengan jayanya bertujuan menambahkan ilmu pengetahuan pegawai audit dalam pengetahuan umum. Antara ceramah yang telah dilaksanakan seperti "Ke Arah Memupuk Semangat Patriotik" oleh Y.Bhg. Dato' Jins Shamsuddin; "Mengimbas Kembali Pencapaian Negara" oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Aishah Binti Ghani; "Peranan Ibu Bapa Dan Masyarakat" oleh Dr. Fauzi Binti Ismail; "Penghayatan Nilai Murni Dalam Pengurusan Diri" oleh Dr. Ismail Alias; "Hubungan Kasih Sayang Dalam Keluarga " oleh Prof. Madya Asmah Bee Binti Mohd Nor dan "Wanita Berjaya Dan Bergaya" oleh Pn. Atikah Binti Adom.

Cawangan Latihan juga telah berjaya dalam memberikan sumbangan khidmat nasihat dan ceramah kepada Kementerian dan Agensi luar. Tajuk

ceramah yang telah diberikan adalah mengenai pengurusan kewangan di Kementerian Kewangan, Pengurusan Kontrak di Kejora, "Pengauditan Pelaburan, Akaun Amanah dan Deposit" kepada Unit Audit Dalam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, "Pengauditan Pengurusan Kewangan" kepada Unit Audit Dalam MARA, MOSTI dan MARDI.

Ceramah "Kepimpinan dan Pengurusan Tertinggi" bagi PTK bagi gred M48 di INTAN, Bukit Kiara, ceramah "Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan" di Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya.

Hasil bengkel dan percambahan fikiran terhadap Manual Pengauditan ICT telah dikeluarkan untuk diterima pakai oleh Jabatan. Manakala Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam telah diterima pakai oleh semua Majlis berkenaan.

Pegawai audit juga telah dihantar untuk menghadiri seminar di peringkat antarabangsa anjuran INTOSAI seperti *Symposium For Regional Specialist* di Bangkok, *Workshop on the Development Management Perspective* di Makati,

Filipina dan *Management Development Programme on Improving the Financial Performance of Public Sector Undertakings* di Goa, India, *Seminar Guide On Audit Quality and Management System* di New Delhi, India, Kuala Lumpur dan Beijing, China.

Dalam mengorak langkah ke era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat Jabatan Audit Negara membangunkan sebuah Akademi untuk kegunaan latihan bagi generasi warga audit di alaf millenium. Akademi ini akan menyumbangkan khidmat nasihat dan bimbingan melalui aktiviti latihan kepada kakitangan Jabatan Audit dan sektor awam di bidang pengauditan, Perakaunan, ICT dan Pengurusan bagi meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan negara.

Adalah menjadi hasrat jabatan untuk mencapai kecemerlangan di dalam perkhidmatan awam melalui program latihan yang berkesan ke arah mewujudkan budaya kerja cemerlang.

Antara kursus yang dikelola oleh Cawangan Latihan sepanjang tahun 2004:

Bil.	Tajuk	Kumpulan Sasar
1	AC306 - MASB Updates	W48, W32 & W27
2	AC307 - Amalan Terbaik MAI	W41, W27 & W17
3	AU114 - Brainstorming Environmental Audit	W54, W52, W48, W44, W41 & W32
4	AU106 - Auditan Kontrak Pembinaan Modul I	W41, W32 & W27
5	AU111 - Auditan Hasil Dalam Negeri	W48, W44, W41, W32 & W27
6	AM401 - Kursus Induksi Umum	W41, W27, N17, N11, R3 & N1
7	AM402 - Kursus Induksi Khusus	W41, W27, N17, N11, R3 & N1
8	AM403 - Kursus Integriti	W41, W27, N17, N11, R3 & N1
9	AM404 - Team Building	W41, W27, N17, N11, R3 & N1
10	Taklimat MLVK	N1, R3, N11, F11, N17, W17, N22, W22 & W32
11	Training For Trainers	W48, W41, W32 & W27



Penyelidikan Menyumbang Kepada Pembaharuan

Penyelidikan merupakan aktiviti yang perlu dilakukan secara berterusan untuk kemajuan sesebuah organisasi. Fungsi utama cawangan ini adalah menjalankan penyelidikan terhadap perkembangan pengauditan terkini daripada sumber luar, negara maju dan dikalangan anggota Negara Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) serta International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Selain daripada itu sumbangan dalam bentuk maklumbalas terhadap soal selidik daripada Institusi Antarabangsa dan dalam negara, menyediakan/menyelaras penyediaan *Country Papers* untuk persidangan antarabangsa, urusan surat-menyurat/e-mel dengan ASOSAI/INTOSAI serta Institusi Audit Antarabangsa, menjadi sekretariat kepada persidangan/seminar antarabangsa yang dianjurkan Jabatan, menyelaras pelantikan Firma Audit Swasta dan kajian terhadap pelaksanaan manual/garis panduan pengauditan yang dikeluarkan oleh setiap Sektor Audit.

Hasil penyelidikan yang dilaksanakan telah memberi input kepada pihak pengurusan. Jenis penyelidikan yang dijalankan meliputi kehendak Jabatan ke arah memperbaiki mutu dan mencari ide serta inovasi baru untuk diketengahkan.

Antara penyelidikan yang telah menyumbang kepada pembaharuan Jabatan ialah:

- **Perbandingan Laporan Audit dengan Negara Luar**
Hasil daripada kajian yang dijalankan terhadap Laporan Audit yang dikeluarkan oleh Negara Luar, Jabatan telah memperkenalkan pembaharuan seperti pengeluaran Laporan Berasingan dan Laporan Seimbang.
- **Kod Etika Juruaudit**
Hasil kajian telah memperkenalkan 3 elemen baru pada kod etika yang sedia ada, iaitu Urus Tadbir yang baik, Disiplin Diri dan Penglibatan Dalam Aktiviti Luar

- **Penubuhan Lembaga Juruaudit**
Maklumat berkaitan penubuhan badan professional dalam dan luar negara telah dikaji dan maklumat tersebut telah menjadi input dalam menyediakan kertas kabinet yang telah membawa kepada kelulusan penubuhan Lembaga Juruaudit. Kajian dari segi anggota, perundangan dan struktur organisasi masih diteruskan.
- **Input kepada Pelan Strategik Jabatan**
Cawangan telah merujuk dan meneliti Pelan Strategik daripada beberapa institusi audit negara maju. Hasil daripada kajian telah menjadi input kepada plan strategik Jabatan.
- **Pelaksanaan Pengauditan Prestasi**
Hasil kajian telah menjadi input dalam kajian semula Garis Panduan di mana format borang untuk pelaksanaan pengauditan telah diperkenalkan. Di samping itu perenggan tertentu dalam garis panduan telah dipinda mengikut keperluan semasa.
- **Standad Pengauditan Jabatan**
- **Pengurusan Perkhidmatan Firma Audit Swasta oleh Jabatan**
- **Maklum balas Firma Audit Swasta/Agensi Terhadap Perkhidmatan Pengauditan**

Hasil dari kajian mengenai perhubungan terkini dari luar negara dan INTOSAI/ASOSAI telah menjadi input dalam usaha menerbitkan Garis Panduan Pengauditan ICT, Manual Jabatan, Standad Pengauditan dan penyediaan *Country Papers*.

Pada tahun 2004 antara penyelidikan yang telah berjaya dijalankan ialah kajian penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia dan Institut Juruaudit Malaysia. Penyelidikan bermula dari peringkat pengumpulan data mengenai keperluan penubuhan Lembaga.

Pandangan serta cadangan daripada Institut dan Individu yang terlibat secara langsung dalam bidang pengauditan dan perakaunan juga telah dikumpul bagi mendapat maklumat yang lebih meluas. Kertas cadangan Lembaga telah di luluskan oleh kabinet. Penyelidikan ke arah penubuhan lembaga ini secara langsung memberi sumbangan ke arah kemajuan pengauditan di Malaysia dan ini merupakan satu sumbangan Jabatan kepada sektor pengauditan di Malaysia. Melalui penubuhan badan ini akan memberi pengiktirafan profesional kepada semua juruaudit yang berkhidmat di Jabatan Audit Negara.

Satu penyelidikan bagi mendapat maklumat mengenai kepuasan agensi terhadap prestasi pengauditan oleh Firma Audit Swasta (FAS) telah dijalankan bagi memberi input kepada pihak pengurusan dan Pengarah Audit Negeri yang terlibat dengan pengauditan yang dijalankan oleh FAS. Sebanyak 394 soal selidik telah diedarkan (51 kepada FAS, 91 kepada Agensi Badan Berkanun Persekutuan, 115 kepada Agensi Badan Berkanun Negeri dan 137 kepada Pihak Berkuasa Tempatan). Peratusan maklum balas yang diterima daripada FAS, Agensi BBP, Agensi BBN dan PBT adalah 100%, 90%, 77% dan 69% masing-masing. Hasil Penyelidikan ini dibentangkan pada perjumpaan tahunan Ketua Audit Negara Dengan Firma Audit Swasta pada 29 Julai 2004. Pembentangan kajian ini bertujuan untuk memberi input kepada FAS dalam menilai corak kerja mereka dengan agensi kerajaan yang diaudit bagi membolehkan penambahbaikan dilaksanakan pada masa hadapan. Hasil daripada penyelidikan ini mendapati terdapat kelemahan dalam proses kerja pengauditan oleh FAS serta mengenal pasti masalah yang dihadapi serta membantu Jabatan menyediakan pelan tindakan bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada agensi yang diaudit.

Cawangan penyelidikan juga bertanggungjawab mengkaji semula manual Jabatan yang telah dikeluarkan dan membuat kajian terhadap manual yang baru mengikut keperluan semasa dan keperluan sejagat. Antara kajian semula manual yang telah dilaksanakan ialah kajian semula Manual Pengauditan Prestasi dan Manual Jabatan. Kajian semula Manual adalah bertujuan untuk mengemas kini dengan keperluan semasa dan memperbaiki terminologi pengauditan, hasil daripada maklum balas daripada pengguna yang menggunakan manual dalam bidang pengauditan di samping mematuhi keperluan dalam manual tersebut yang menghendaki manual dikaji semula pada tempoh masa yang tertentu. Cawangan menjadi urusetia bagi menghasilkan Manual Pengauditan Alam Sekitar sebagai panduan baru kepada Juruaudit untuk menjalankan pengauditan alam sekitar. Penghasilan manual ini adalah penting bagi memastikan kerja pengauditan yang dijalankan mempunyai panduan yang jelas bagi mengeluarkan hasil pengauditan yang bermutu dan akan membantu negara dalam menguruskan alam sekitar dengan lebih berkesan.




Perjumpaan Ketua Audit Negara dengan Firma Audit Swasta 2004

Hasil kajian akan digunakan oleh pihak yang mempunyai kepentingan atau menjadi sumber rujukan kepada pihak atasan dalam membuat keputusan. Adalah menjadi kebanggaan semua apabila hasil kajian memberi manfaat kepada Jabatan.


Sumbangan juga telah diberi kepada Institusi luar seperti Malaysia *Institute of Accountant* (MIA) dalam perkembangan sektor pengauditan di Malaysia melalui komen dan cadangan kepada *Exposure Draft* yang dikeluarkan oleh institut tersebut. Malahan Jabatan Audit Negara merupakan satu-satunya Jabatan yang telah bertanggungjawab memastikan standad yang dikeluarkan mengikut keperluan semasa pengauditan sektor awam di Malaysia. Di peringkat antarabangsa pula Jabatan telah

memberi maklum balas terhadap sejumlah soal selidik dan kajian anjuran ASOSAI, INTOSAI dan IFAC. Melalui maklum balas yang diberi bukan sahaja dapat menaikkan imej Jabatan di peringkat antarabangsa malahan Jabatan mendapat manfaat sampingan melalui soal selidik yang diberi dari segi penambahan pengetahuan mengenai situasi semasa dan arah tuju pada masa hadapan mengenai corak pengauditan di negara lain.

Jabatan Audit Negara adalah menjadi ahli kepada *Asian Organisation Of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI) iaitu pertubuhan yang dianggotai oleh 38 Institusi Audit Tertinggi di Asia. Organisasi ini bertanggung jawab menggalakkan kerjasama antara negara anggota di bidang latihan, penyelidikan dan pertukaran maklumat dan pengalaman. Selepas penstrukturan semula Jabatan pada Julai 2002, Cawangan Penyelidikan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti ini. Antara penglibatan Jabatan di peringkat antarabangsa ini seperti menganggotai pasukan penyelidik ASOSAI bagi bantuan teknikal Kerajaan Nepal di bawah



Guidelines on Audit Quality Management Systems (ASOSAI)



Antara Garis Panduan yang telah dibuat kajian oleh Cawangan Penyelidikan

geran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Membentangkan kertas kerja bertajuk *The Status of Independence - Malaysia's Perspective* oleh Ketua Audit Negara Malaysia di Vienna, Austria. Mengadakan kunjungan dan lawatam rasmi ke Pejabat Audit United Kingdom di London dan pejabat *The Chartered Of Public Finance and Accountancy* (CIPFA) untuk mendapatkan bantuan menyediakan kertas kabinet bagi Penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia.

Hasil Kajian telah diedarkan kepada semua warga audit melalui edaran kepada setiap bahagian, sumbangan kepada perpustakaan, input untuk latihan dan sebagai sumber rujukan bagi menjadikan Jabatan Audit Negara sebagai Jabatan yang menuju ke arah kecemerlangan. Bagaimana pun, penulisan tersebut tidak boleh diterbitkan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan perniagaan atau peribadi.

Sebagai kesimpulannya ternyata penyelidikan telah berjaya membantu Jabatan Audit Negara untuk menuju ke arah pembaharuan dan pengauditan yang lebih cemerlang lagi.

Urusan *delivery system* Kerajaan Malaysia sedang berubah menjurus ke arah berkonsepkan kepada Kerajaan Elektronik (e-government), selari dengan perkembangan global masa kini. Setiap peringkat Kementerian, Jabatan serta Agensi Kerajaan terus menerus membangun, memperkenalkan, menawarkan perkhidmatan untuk penyelesaian dalaman dan kemudahan awam yang berkualiti serta cekap secara elektronik.

Bagi urusan kewangan peringkat Kerajaan Persekutuan, fungsi Pusat Tanggungjawab bagi urusan dokumentasi perolehan, pesanan tempatan, baucar dan catatan buku vot telah dilaksanakan secara elektronik dengan implementasi Sistem e-SPKB dan Sistem e-Perolehan. Perkembangan ini turut diikuti oleh Kerajaan Negeri melalui Sistem SPEKS. Dengan pelaksanaan e-SPKB dan SPEKS Penyata Akaun Awam Persekutuan dan Negeri telah dapat disediakan secara elektronik.

Selain itu, beberapa Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan telah lama membangunkan sistem berasaskan elektronik. Antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan telah menawarkan perkhidmatan Sistem e-Services berhubung pelesenan dan kenderaan manakala Pejabat Tanah di negeri melalui Sistem Pendaftaran dan Hasil Tanah Berkomputer bagi pembayaran cukai tanah. Bagi Badan Berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan PERKESO urusan niaga pendeposit dan pelaburan misalnya turut dikendalikan secara elektronik.

Sungguhpun perubahan ini selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan memberi kemudahan namun ianya memberi kesan yang kritikal kepada tugas pengauditan.

Kelemahan dalam aspek keselamatan berkaitan akses, data dan rangkaian telah membuka ruang

kepada penyelewengan. Kelemahan kawalan dalaman juga telah memberi risiko kepada kelancaran dan kecekapan kendalian pengoperasian sistem kerajaan. Contohnya kawalan katalaluan akses Sistem Jabatan Pengangkutan Jalan.

Kegagalan memelihara integriti data telah menimbulkan masalah contohnya bagi penjana laporan Penyata Penyesuaian dan penyediaan penyata kewangan contohnya Sistem Perakaunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Sistem Tanah Berkomputer. Terdapat juga perkhidmatan elektronik yang telah memberi ketidakselesaan kepada pengguna, pergantungan sepenuhnya kepada pembekal swasta oleh auditi dan sistem tidak memenuhi penyelesaian masalah pengguna secara keseluruhan.

Kesan yang ketara pada masa kini, penyata kewangan lewat disediakan dan lewat dikemukakan kepada Ketua Audit Negara. Dalam situasi kritikal ini, Juruaudit menghadapi cabaran untuk melaksanakan tugas pengauditan mengikut masa yang ditetapkan. Juruaudit perlu memiliki kepakaran khusus dalam bidang ICT.

Sebagai persediaan, Jabatan mengatur strategi pembangunan pengkomputeran secara agresif, bermula sejak tahun 1996 melalui Fasa I dengan penyediaan prasarana perolehan perkakasan, perisian serta rangkaian komputer ke seluruh Cawangan Audit. Sehingga kini pembangunan tersebut telah berada di Fasa VI. Pembiayaan projek dilakukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 dengan peruntukan sejumlah RM 30 juta.

Dengan persekitaran dan kemudahan tersebut, maka halatuju seterusnya ialah bagi pengisian dan penggunaan yang lebih efektif, kreatif dan inovatif. Langkah berterusan dilakukan agar penggunaan ICT menjadi budaya kerja dan budaya Jabatan.

Persiapan disediakan bagi menghadapi era pengkomputeran khusus keperluan dalaman dan tugas pengauditan. Selaras kepada kehendak MAMPU, Ketua Pegawai Maklumat (CIO) adalah disandang oleh Pengarah Sektor Pengurusan Korporat bagi melaksanakan inisiatif ICT Jabatan. Pelan Strategi Teknologi Maklumat telah dikeluarkan untuk menggariskan langkah yang diambil bagi memperkukuhkan budaya ICT di kalangan pegawai audit.

Penstrukturan semula dengan pengwujudan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) di bawah Sektor Pengurusan Korporat direalisasikan pada tahun 2002. Komponen kepada BTMK terdiri dari Cawangan Khidmat Nasihat Audit ICT dan Cawangan Pembangunan dan Operasi bertujuan mewujudkan pengkhususan tugas dan peranan untuk memberi perkhidmatan ICT kepada setiap Sektor Audit.

Melalui Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 6 Tahun 2000, penglibatan pegawai audit dalam pengkomputeran Jabatan / Agensi seterusnya dapat membantu menjayakan peranan khidmat nasihat audit kepada auditi disamping menyatakan keperluan audit.

Perubahan teknik dan metodologi pengauditan dilakukan dengan penekanan kepada penilaian kawalan dalaman terhadap sistem. Latihan ICT khusus secara bermodul bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai ruang lingkup yang luas mengenai Audit ICT.

Penggunaan kaedah *Computer Assisted Audit Techniques and Tools* (CAATs) telah menjadi keperluan sebagai alat kepada tugas pengauditan. Sejumlah 150 lesen Perisian *Audit Command Language* diperolehi dengan sasaran seluruh pegawai audit boleh menggunakannya.

Tumpuan sedang diberi kepada pembangunan dan penggalakan penggunaan CAATs dalam pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, serta pengauditan sistem gaji, caruman dan pelaburan di agensi Badan-Badan Berkanun. Pengendalian program latihan dan bengkel disediakan secara *hands-on* untuk memberi kecekapan menggunakan komputer kepada pegawai audit. Sebanyak 18 Panduan CAATs sistem berkomputer khusus telah dikeluarkan bagi membolehkan pelbagai aspek dianalisis setelah data diperolehi.

Dari masa ke semasa pengauditan terhadap sistem dijalankan bagi menilai prestasi pembangunan sistem kerajaan. Antara sistem yang diaudit dan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ialah Sistem INTAGSG di Lembaga Hasil Dalam Negeri, Sistem e-SPKB di Jabatan Akauntan Negara, Sistem SIKAP di Pertubuhan Keselamatan Sosial, Sistem Cukai Taksiran Berkomputer di Pihak Berkuasa Tempatan, Sistem Pendaftaran dan Hasil Tanah Berkomputer di negeri-negeri dan lain-lain sistem utama.

Keupayaan kemudahan talian sedang dipertingkatkan dari



Bilik Server JAN di Putrajaya

128kbs kepada 256kbs dan 512kbs dengan tujuan penambahan kelajuan transmisi data untuk kecekapan komunikasi. Inisiatif perolehan *server* baru bernilai RM4 juta bertujuan meningkatkan saiz storan dan perubahan konsep capaian dari secara *decentralize* kepada *centralize*.

Laman web direkabentuk semula dengan memperkenalkan konsep *portal*. Melalui konsep ini kemaskinian maklumat dalam web dapat dilakukan dengan mudah melalui pelbagai lokasi Cawangan audit. Oleh itu pelawat laman web berpeluang lebih berkongsi maklumat.

Proses merekabentuk baru Sistem Pengurusan Pengauditan (e-SPP) dilaksanakan bertujuan meningkatkan kualiti sistem maklumat

semasa *Lotus Notes* dengan menambah elemen pengurusan pengauditan untuk kordinasi antara Sektor, Bahagian, Cawangan, jenis pengauditan dan pelaporan. Melalui sistem tersebut, Jabatan mendapat faedah melaksanakan fungsi perancangan, pemantauan dan elemen *key performance indicator*. Dari segi pengurusan sumber manusia, ia membantu

pembentukan kerja berpasukan dan *e-worker* dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Hasrat kecemerlangan Jabatan akan tercapai sekiranya peranan ICT dilaksana dan dimanfaatkan sepenuhnya dengan merujuk kepada perancangan strategik ICT Jabatan. Seterusnya hala tuju yang jelas telah membantu pembentukan tadbir urus yang baik sektor awam.



Antara Panduan CAATTs yang telah dikeluarkan oleh BTMK, Sektor Pengurusan Korporat.

Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Peranan utama Jabatan Audit Negara adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di 32 Pejabat Perakaunan, iaitu 25 pejabat Jabatan Akauntan Negara dan 7 Jabatan Mengakaun Sendiri. Pengauditan tersebut telah melibatkan pemeriksaan terhadap 36,648 baucar bayaran berjumlah RM414.33 bilion, 20,496 penyata pemungut berjumlah RM370.44 bilion dan 4,790 baucar jurnal berjumlah RM215.24 bilion.

Jabatan juga membuat analisis terhadap data kewangan yang ditunjukkan dalam penyata tersebut bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2003, sungguhpun sumber dana Kerajaan Persekutuan telah meningkat menjadi RM604.65 billion berbanding dengan RM506.99 billion pada tahun 2002, namun ia tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta bayaran wang amanah/deposit berjumlah RM624.28 bilion. Kekurangan dana tersebut ditampung dengan rezab Kerajaan di bank. Jumlah peruntukan muktamad untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2003 ialah RM77.08 bilion dan daripada jumlah ini, RM75.22 bilion atau 97.6% telah dibelanjakan. Hutang awam Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM164.96 bilion pada tahun 2002 menjadi RM188.77 bilion pada tahun 2003. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah memberi pendapat bahawa prestasi pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan perlu dipertingkatkan bagi memastikan Kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk tujuan pengurusan dan pembangunan negara.

Jabatan berperanan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Pada tahun 2003/2004, pengauditan pematuhan terhadap pengurusan kewangan di 107 pejabat Kerajaan. Pada umumnya, pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan pada tahun ini telah menunjukkan kemajuan berbanding dengan tahun sebelumnya. Melalui pengauditan pengurusan kewangan ini Jabatan dapat menyumbang tenaga dengan memberi tunjuk ajar terutama dalam aspek penyediaan dan penyelenggaraan dokumen/rekod, memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan di samping mengesyorkan supaya meningkatkan kawalan dalaman khususnya di Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

Jabatan juga bertanggungjawab menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan. Berhubung dengan ini, Jabatan telah melaksanakan 31 pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti yang berkaitan dengan projek pembinaan, penyelenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, program peningkatan sosio-ekonomi, pengurusan aset dan stor serta pengurusan aktiviti secara berkomputer. Pada umumnya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan.

Memandangkan penglibatan Kerajaan atau agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui

pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat setiap tahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003. Mulai tahun 2004, Jabatan ini telah melaksanakan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan beberapa syarikat antaranya Rangkaian Hotel Sri Malaysia Berhad. Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Melalui Laporan Ketua Audit Negara, semua pihak yang berkepentingan terutama rakyat dapat mengetahui berkaitan dengan aktiviti dan penggunaan wang serta sumbangan syarikat tersebut untuk pembangunan negara ini.

Jabatan juga telah diminta oleh Jemaah Menteri untuk menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat Besraya (M) Sdn. Bhd, Syarikat Linkedua (Malaysia) Berhad dan Konsortium Kulim Lebuhraya Butterworth Kulim Sdn. Bhd. yang masing-masingnya bertanggungjawab mengendalikan Lebu Raya Bertol Sungai Besi Lebu Raya Bertol Hubungan Kedua Malaysia-Singapura dan Lebuhraya Butterworth-Kulim. Ini jelas membuktikan bahawa pentingnya peranan Jabatan di mana pandangan dan pendapat Ketua

Audit Negara diambilkira oleh pihak Kerajaan sebelum membuat sesuatu keputusan.

Sebagai kesimpulan peranan Jabatan amatlah diperlukan di dalam usaha meningkatkan akauntabiliti di Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan. Melalui aktiviti pengauditan yang dijalankan dan laporan yang akan dibentangkan di Parlimen, pihak Pentadbiran Kerajaan dapat mengenal pasti punca sesuatu kelemahan dalam pengurusan kewangan serta kegagalan atau kelewatan pelaksanaan program/aktiviti di Kementerian/Jabatan.



Pegawai Audit menjalankan pengauditan di Lebuhraya Butterworth Kulim Sdn. Bhd.

Seterusnya Agensi Pentadbiran di peringkat Pusat boleh mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keputusan perbincangan dan syor yang dipersetujui. Sebagai contoh sekiranya kelemahan itu disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan, pihak Perbendaharaan akan mengambil perhatian untuk meluluskan peruntukan yang

dipohon. Sekiranya punca kelemahan adalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan ataupun kakitangan kurang terlatih, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan meluluskan penstrukturan Kementerian/Jabatan, mengisi kekosongan perjawatan dan mengadakan latihan yang diperlukan. Malahan Jabatan turut menyumbang tenaga memberi ceramah dan mengadakan siri latihan untuk kakitangan di Kementerian/ Jabatan yang memerlukan.

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan dapat meningkatkan akauntabiliti di Kementerian/Jabatan khususnya dan pentadbiran Kerajaan Persekutuan amnya.

Pengauditan Aktiviti Kutipan Hasil Menyumbang Kepada Pendapatan Negara

Kerajaan Persekutuan telah menerima hasil berjumlah RM92.61 bilion pada tahun 2003. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Kastam merupakan agensi utama yang memungut hasil bagi Kerajaan Malaysia. LHDN telah menyumbangkan 55 % kepada pendapatan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM46.48 bilion pada tahun 2003. Ini diikuti oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) yang telah memungut RM20.3 bilion. Sementara itu sejumlah RM2.92 bilion telah dikutip oleh Kementerian Pengangkutan.

Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara mempunyai peranan yang penting untuk melaksanakan pengauditan ke atas aktiviti kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan, semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dalam tempoh masa yang ditetapkan. Untuk itu Jabatan merangka program pengauditan hasil yang telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9002:1994 dan kini dalam proses menambah baik untuk pengiktirafan MS ISO 9001:2000. Jabatan telah menempatkan pegawai Audit yang khusus melaksanakan pengauditan di ketiga agensi tersebut sama ada di peringkat Ibu Pejabat dan cawangannya di setiap negeri.

Pengauditan di LHDN

Sebelum bermula pengauditan Akaun Tunai Bulanan, pengauditan untuk menilai tahap kawalan dalaman akan dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan 14 Cawangan Negeri. Objektif pengauditan ialah untuk menentukan sama ada kawalan dalaman yang diwujudkan terhadap terimaan wang adalah mencukupi untuk mengawal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran resit dan keselamatan wang semasa pungutan dan pemindahan wang ke bank. Pengauditan Akaun Tunai Bulanan dijalankan di Ibu Pejabat Jalan Duta, Kuala Lumpur, Cawangan Kota Kinabalu dan Kuching sahaja untuk

memastikan Akaun Tunai Bulanan diselenggara mengikut peraturan kewangan Kerajaan.

Pengauditan taksiran dilaksanakan terhadap fail taksiran bagi syarikat, perniagaan, penggajian dan pelbagai yang diselenggara di 35 Cawangan LHDN di seluruh Negara. Sehingga bulan September 2004, sejumlah 392,293 fail syarikat, 1.23 juta fail perniagaan dan perkongsian, 2.22 juta fail penggajian dan 18,778 fail pelbagai telah didaftar oleh LHDN. Pada tahun 2003, sejumlah 1,650 fail taksiran bagi penggajian telah diaudit oleh 7 Cawangan Negeri, 1,800 fail taksiran bagi perniagaan telah diaudit oleh 8 Cawangan Negeri. Antara isu yang dibangkitkan terhadap pengauditan ini adalah seperti; kelewatan membangkitkan taksiran, ketinggalan mengambilkira pendapatan yang boleh dikenakan cukai, potongan salah diberi, perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan dan salah tafsiran perundangan. Hasil daripada pengauditan ini Jabatan telah dapat membantu LHDN memungut cukai berjumlah RM0.69 juta.

Pada tahun 2003, Jabatan telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap Pengurusan Pembayaran Balik Cukai Yang Terlebih Dipungut di peringkat Ibu Pejabat dan 13 Cawangan Negeri. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan bayaran balik cukai yang terlebih dipungut dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Sehingga April 2004, antara isu yang diperhatikan ialah masih terdapat 2,285 permohonan bayaran balik dividen yang diterima bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 berjumlah RM841.56 juta masih belum diluluskan untuk pembayaran balik. LHDN telah mengambil tindakan positif dengan mewujudkan Pasukan Khas untuk menyelesaikan kes pembayaran balik secara sepenuh masa dan mengarahkan Ketua Kumpulan dari Cawangan lain membantu menyemak dan meluluskan pembayaran balik yang berjumlah RM500,001 hingga RM10 juta. Dengan ini hasil pengauditan dapat membantu mengurangkan

rungutan di kalangan pembayar cukai dan kes pembayaran balik dapat disegerakan.

Jabatan juga ada menjalankan pengauditan prestasi terhadap Syarikat Yang Diberi Insentif Cukai Taraf Perintis di Ibu Pejabat dan 7 Cawangan LHDN Negeri. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada taksiran cukai terhadap syarikat yang diberi insentif cukai taraf perintis telah dibuat dengan teratur.

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan, pihak Jabatan telah mengenal pasti sejumlah RM51.94 juta yang kurang dikutip oleh LHDN. Sehingga kini, pihak LHDN telah mengambil perhatian serius dan melaksanakan tindakan yang berkesan untuk mengutip semula kekurangan kutipan cukai tersebut. Sehingga kini sejumlah RM35.03 juta telah dapat dikutip semula oleh LHDN.

Pengauditan di Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

Jabatan melaksanakan pengauditan kewangan, pematuhan, pengauditan prestasi, pengauditan taksiran terhadap taksiran cukai yang dikenakan oleh pihak Jabatan Kastam, juga program anak angkat dan penampilan Audit (audit presence).

Pengauditan Kewangan dilaksanakan terhadap perbelanjaan dan pungutan hasil. Pengauditan ini dilaksanakan di peringkat interim dan juga muktamad. Pengauditan pematuhan ini adalah untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan di Jabatan Kastam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan juga aset.

Pengauditan Taksiran dijalankan dengan membuat semakan terhadap borang taksiran kastam yang mengandungi cukai yang ditaksir oleh Pegawai Kastam bagi memastikan taksiran yang dibuat terhadap barang dan perkhidmatan yang dibawa masuk atau

dibawa keluar negara mematuhi kaedah serta peraturan Kerajaan.

Antara Pengauditan Prestasi yang dijalankan adalah kajian terhadap aktiviti Pengimportan Kenderaan. Pengimportan kereta ke Malaysia dibuat secara pasang siap atau terurai sepenuhnya. Pengimportan kereta menyumbang kepada hasil yang agak tinggi dari segi pungutan hasil dan kadar cukai yang dikenakan. Objektif pengauditan adalah untuk menentukan cukai yang ditetapkan telah dipungut dengan cekap, teratur dan mengikut peraturan. Antara isu yang berbangkit adalah :-

- Pihak Kastam tidak menggunakan harga sebenar seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Harga bagi tujuan tafsiran kereta import terpakai yang dikeluarkan oleh Jabatan itu sendiri.
- Terdapat kes kadar susut nilai yang dikenakan adalah lebih tinggi dari kadar yang ditetapkan oleh garis panduan bagi kadar susut nilai menyebabkan duti import yang boleh dikutip berkurangan.
- Kes kesilapan dalam penggunaan kadar pertukaran mata wang asing kerana stesen kastam lewat menerima senarai kadar pertukaran wang asing semasa.
- Terdapat pengimport di dua buah negeri telah diberi diskaun terhadap kenderaan yang diimport walaupun mereka tidak layak menikmatinya.



Pegawai Audit menjalankan tugas penyemakan dokumen auditi

Ketidaktepatan terhadap peraturan yang telah ditetapkan seperti di atas menyebabkan Jabatan Kastam telah terkurang pungut hasil berjumlah RM27.55 juta.

Pengauditan Prestasi juga dijalankan terhadap Gudang Berlesen Awam; dikendalikan oleh syarikat swasta di bawah lesen yang dikeluarkan

oleh pihak Kastam, digunakan untuk menyimpan barangan sendiri atau menyewa ruang stor kepada pengimport atau pengeksport. Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada kawalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam terhadap gudang ini memadai dan memastikan barangan yang dikeluarkan dari gudang ini telah dikenakan duti dan cukai yang sewajarnya. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah:-

- Pemeriksaan Audit terhadap 3,527 Borang Ikrar Kastam 8 di 37 gudang berlesen awam mendapati 78 Borang Ikrar Kastam yang telah di keluarkan di 5 gudang belum di dikembalikan kepada stesen import/penghantar. Cukai yang boleh dipungut ditaksirkan berjumlah RM14.02 juta. Hasil daripada penemuan ini tindakan susulan telah diambil oleh Jabatan Kastam bagi memperbaiki perkara yang dibangkitkan.
- Kawalan terhadap barang yang disimpan di gudang di mana, barangan bernilai RM511,902 yang disimpan di gudang di negeri tertentu tidak memenuhi syarat lesen yang dikeluarkan.
- Borang Ikrar Kastam yang diperiksa di salah sebuah negeri yang dilawati mengandungi kesilapan penjenisan kod yang menyebabkan cukai kurang dikutip berjumlah RM19,771.
- Barangan yang melibatkan cukai berjumlah RM453,910 telah dikeluarkan daripada gudang sebelum bayaran dijelaskan.

Selain daripada menjalankan kajian pengauditan, Jabatan juga berperanan sebagai penasihat kepada Jabatan Kastam melalui penglibatan Jabatan Dalam Program Anak Angkat. Stesyen Kastam KLIA, Sepang telah dipilih sebagai anak angkat pada tahun 2003.

Program ini dilaksanakan dengan tujuan membantu pejabat kewangan yang didapati lemah dari segi pengurusan kewangannya. Melalui pendekatan proaktif ini pegawai Audit telah melawat pejabat tersebut dari semasa kemasa dan memberi nasihat serta tunjuk ajar berhubung dengan pengurusan kewangan sehinggalah kelemahan yang dialami sebelum ini diatasi.

Pengauditan di Kementerian Pengangkutan

Kementerian Pengangkutan adalah merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk merangka, merancang dan melaksana program pembangunan sektor pengangkutan yang meliputi pengangkutan jalan (tidak termasuk pembinaan jalanraya dan lebuhraya), pengangkutan udara dan laut. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 jabatan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sabah, Jabatan Laut Sarawak, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Keretapi dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (akan mula beroperasi pada tahun 2005). Pengauditan yang dijalankan oleh Seksyen ini adalah :

- i) Pengauditan Kumpulan Wang Amanah Akaun Amanah ;
 - Kumpulan Wang Amanah Lembaga Dius Api
 - Kumpulan Wang Amanah Pusat Perdagangan Laut
 - Akaun Amanah Tanah Rezab Keretapi
 - Akaun Amanah KLIA Sebagai Pusat Penerbangan Serantau.
- ii) Pengauditan di Jabatan Pengangkutan Jalan ;
 - Sistem Kawalan Dalaman
 - Akaun Tunai Bulanan
 - Kutipan Hasil Melalui Sistem Rangkaian Perkhidmatan Awam
 - Kutipan Hasil Melalui Sistem e-Khidmat Serta Bayaran Caj Kepada Service Provider dan Gateway Provider
 - Kutipan Hasil Melalui Sistem Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan.
- iii) Pengauditan Interim Kementerian/Jabatan Yang Melaksanakan eSPKB iaitu pengauditan ;
 - Baucar Bayaran
 - Baucar Jurnal
 - Penyata Pemungut
- iv) Pengauditan Pengurusan Kewangan Terhadap Kementerian/ Jabatan ;
- v) Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti yang terdapat di Kementerian/Jabatan ;
- vi) Penampilan Audit dan Program Anak Angkat.

Mesra Audit Melalui Pendekatan Program Anak Angkat

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta lain-lain undang-undang yang berkaitan telah menetapkan bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kedudukan penyata kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati bahawa kelemahan yang sama dalam pengurusan kewangan/aktiviti di Jabatan/Agensi Kerajaan masih terus berlaku. Sehubungan dengan itu, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan program anak angkat.

Melalui program anak angkat ini, beberapa pejabat dipilih bertujuan untuk dibantu bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan melalui program bimbingan dan khidmat nasihat terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Program ini telah dimulakan pada awal tahun 2003 dengan garis panduan pelaksanaannya telah dikeluarkan pada akhir tahun 2002. Pemilihan pejabat untuk dijadikan 'anak angkat' berdasarkan kepada pejabat yang perlu untuk ditingkatkan lagi tahap pengurusan kewangannya. Pejabat tersebut telah dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang lalu yang

telah dibangkitkan oleh Jabatan. Selain daripada itu, pemilihan pejabat juga dibuat berdasarkan kepada cadangan daripada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

Sebelum program 'anak angkat' dilaksanakan, Ketua Jabatan/Agensi dan Ketua Pejabat yang berkenaan dimaklumkan tentang tujuan serta kaedah pelaksanaan program 'anak angkat' secara bertulis dan seterusnya disusuli dengan *entrance conference*. Pengarah/Ketua Cawangan Audit yang terlibat perlu menghadiri *conference* tersebut. Cawangan Audit berkaitan membuat penilaian secara menyeluruh di pejabat yang telah dipilih sebagai anak angkat untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pengurusan kewangan dan puncanya. Bagi tujuan ini Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan telah digunakan sebagai rujukan. Masalah pengurusan

kewangan dan puncanya yang dikenal pasti serta langkah pembetulan yang dicadangkan dibincangkan dengan Ketua Jabatan/Agensi dan Ketua Pejabat berkenaan.

Secara umumnya kelemahan yang dikenal pasti masih berlaku di pejabat 'anak angkat' adalah berkisar kepada kegagalan Jabatan menyimpan rekod kewangan dengan memuaskan, rekod perakaunan tidak kemas kini dan ketidakpatuhan terhadap tatacara serta arahan seperti Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkaitan. Bagi membantu pejabat berkenaan



Majlis Penyampaian Sijil Anak Angkat di Perak



Majlis Penyampaian Sijil Anak Angkat di Melaka

memperbetulkan kelemahan yang berlaku, tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- Memberi input kepada Pejabat berkenaan menyediakan panduan kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan dan latihan secara teori dan praktikal kepada mereka yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan di pejabat berkenaan.
- Memantau kemajuan pelaksanaan kerja pembetulan dan memastikan bahawa kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur secara berterusan. Bagi tujuan pemantauan, lawatan ke pejabat berkenaan dibuat dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya setiap 4 kali dalam tempoh setahun.

Pada tahun 2003, sejumlah 58 pejabat Jabatan Negeri telah dijadikan anak angkat dan sehingga pertengahan tahun 2004, sejumlah 42 Jabatan/Agensi telah berjaya menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang baik dan telah diberikan Sijil Penyertaan oleh Ketua Audit Negara. Pada tahun 2004 pula, sejumlah 49 anak angkat telah dipilih termasuk 16 Jabatan Negeri yang merupakan 'anak angkat yang dilanjutkan program ini ke tahun 2004. Program ini telah mendapat penghargaan daripada Kerajaan Negeri kerana Jabatan telah dapat membantu dan menyumbang ke arah mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, sejumlah 10 Jabatan/Kementerian anak angkat telah diberi Sijil Penyertaan selepas berjaya menjalani program

ini bagi tahun 2003.

Program anak angkat telah berjaya memberi kesan positif terhadap pejabat yang dipilih. Selain membantu memantapkan lagi pengurusan kewangan, khidmat nasihat yang telah diberikan oleh Jabatan telah dapat dijadikan panduan dan meningkatkan kemahiran pegawai di pejabat anak angkat bagi melaksanakan urusan pentadbiran harian selaras dengan kehendak peraturan yang telah ditetapkan. Bagi anak angkat yang telah diberi Sijil Penyertaan, adalah didapati prestasi pengurusan kewangannya berada ditahap yang memuaskan dan telah wujud kesedaran tentang pentingnya meningkatkan tahap pengurusan kewangan sebagai usaha berterusan dan perlu dikekalkan. Maklum balas yang diterima daripada anak angkat menunjukkan wujud penerimaan dan sokongan terhadap usaha mesra audit melalui pendekatan program ini. Ini jelas daripada majlis penyampaian sijil penyertaan turut dihadiri oleh pelbagai peringkat pengurusan tertinggi negeri dan Persekutuan.



Majlis Penyampaian Sijil Anak Angkat di Kedah



Majlis Penyampaian Sijil Anak Angkat Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Pelaksanaan program anak angkat adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan awam. Bagi membolehkan pencapaian matlamat tersebut, adalah diharap semua pihak yang terlibat memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya untuk melaksanakan program ini. Bagi anak angkat yang telah diberi Sijil Penyertaan, Ketua Pejabat hendaklah membuat pemantauan yang berterusan terhadap pegawai bawahannya bagi menjamin tahap pengurusan kewangan terus dikekalkan dan lebih berkualiti lagi.

Cabaran dan Peranan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Untuk Memantapkan Akauntabiliti Sektor Awam

Jawatankuasa Akaun Awam (JKAA) di peringkat Negeri dikenali dengan pelbagai nama seperti Jawatankuasa Kira-kira Raya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri dan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan. Jawatankuasa Akaun Awam ini ditubuhkan di bawah Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri atau Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri masing-masing, kecuali Negeri Sabah, yang mana Jawatankuasa itu ditubuhkan di bawah Perlembagaan Negeri.

Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang Pengerusi dan beberapa orang ahli yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri. Seseorang ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Akaun Awam semasa ia masih menjadi seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ketua Audit Negara walaupun bukannya seorang Ahli JKAA boleh dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa ini. Bidang tugas JKAA sama ada dilantik di bawah Perintah Tetap atau peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri di semua negeri adalah sama iaitu memeriksa dan menyemak Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri menurut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, memeriksa dan menyemak kira-kira badan pentadbiran awam yang menguruskan wang awam yang dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri, memeriksa dan menyemak Kira-kira Kerajaan Negeri dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Dewan Undangan Negeri dan pelbagai perkara lain yang difikir oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang

diserahkan oleh Dewan Undangan Negeri kepada JKAA.

Mengikut Peraturan Tetap, JKAA berkuasa memanggil seseorang untuk mendapatkan kertas, rekod dan sebarang dokumen untuk tujuan pemeriksaan atau mendapatkan penjelasan. Ia diperkukuhkan lagi dengan peruntukan undang-undang "Keistimewaan dan Kuasa" (*Privileges and Powers*) atau undang-undang *contempts* Dewan. Sesiapa yang ingkar menghadiri atau menjawab soalan atau tidak mengemukakan dokumen seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa, ia boleh dihukum kerana menghina (*contempts*) Dewan.

Pengerusi JKAA akan mengaturkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dan penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri diperiksa dan dipertimbangkan oleh JKAA. Biasanya beliau akan berunding dengan Ketua Audit Negara atau wakilnya mengenai aspek penting dalam laporan dan akaun yang perlu diperiksa oleh Jawatankuasa. Pengerusi melalui wakilnya iaitu Setiausaha Dewan Undangan Negeri akan mengadakan mesyuarat awal untuk menentukan agenda mesyuarat ataupun mengedarkan kepada semua ahlinya senarai perenggan Laporan Audit yang difikirkan patut diperiksa oleh Jawatankuasa. Ketua Audit Negara atau wakilnya akan membantu memberi penjelasan atas perkara tertentu atau maklumat yang diperlukan untuk melicinkan perjalanan mesyuarat. Beliau juga boleh mengemukakan soalan kepada saksi bagi mendapatkan penjelasan lanjut untuk membantu JKAA dalam perbincangannya. Di



Ketua Audit Negara bersama Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Kerajaan Negeri Johor

samping itu, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri juga membantu Jawatankuasa dengan cara mendapatkan penjelasan dan komen bertulis daripada Pegawai Pengawal yang berkenaan terhadap perenggan yang akan dibincangkan dan menyediakan kertas (*brief*) bagi kegunaan mesyuarat.

JKAA menjalankan perbincangannya secara tertutup dan melakukan pemeriksaannya dengan “menyoal-siasat” Ketua Jabatan atau wakilnya atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab terhadap perkara yang diperiksa. Bagaimanapun, semua Ahli JKAA adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap Dewan. Mereka tidak dibenar mendedahkan sebarang perkara yang dibincang sebelum laporan JKAA dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Keterangan yang diberi oleh saksi akan direkodkan secara “verbatim”. Selepas selesai membincangkan sesuatu Laporan Audit, JKAA dengan bantuan Jabatan Audit Negara akan menyediakan laporan atas segala pandangan dan cadangan JKAA. Laporan itu kemudiannya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk makluman dan perhatian Ahli Dewan. Sebarang syor yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa hendaklah diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dan Jabatan yang berkenaan.

Peranan JKKA bergantung terutama sekali kepada jenis dan skop pengauditan dan isu yang berkaitan dengan kawalan dan pentadbiran kewangan awam. Sumbangan JKAA diukur berdasarkan kepada pandangan yang membina dan cadangan yang dibuat berlandaskan fakta yang dinyatakan di dalam laporan Audit dan penjelasan semasa sesi pemeriksaan. Tegasnya, peranan utama JKAA ini adalah berkisar terhadap kawalan dan pengurusan wang awam yang melibatkan wang dibelanjakan mengikut tujuan dan program yang telah diluluskan di dalam belanjawan Kerajaan, perbelanjaan yang dilakukan oleh pegawai awam dibuat secara ekonomik dan cekap, standad dan peraturan pengurusan wang awam dipatuhi dan sentiasa berada pada tahap yang tinggi di mana akaun dan rekod diselenggarakan dengan sempurna. Selain itu, Jabatan juga dalam laporannya menyentuh isu sama ada program Kerajaan mencapai objektifnya, dan nilai untuk

wang diperoleh dari perbelanjaan Kerajaan. Bagi tujuan ini, JKAA menjuruskan pemeriksaannya ke arah kes pembaziran, pemborosan dan kelemahan serta ketidakcekapan sesuatu organisasi. Dengan menegur pengurusan kewangan yang tidak cekap dan tidak mengikut peraturan, JKAA juga menyumbang bagi meningkatkan tahap akauntabiliti awam dan ketelusan pengurusan awam.

Persoalannya sejauh manakah teguran dan syor yang dibuatnya meninggalkan kesan positif ke arah peningkatan tahap akauntabiliti awam, kecekapan pengurusan kewangan dan projek Kerajaan. Pada pandangan audit, keberkesanan tugas JKKA banyak bergantung kepada kekerapan dan kesegeraan (*timeliness*) laporan Audit dibincangkan. Pegawai sesuatu Jabatan mungkin lebih mudah mengambil tindak balas terhadap teguran Audit di atas ketidakcekapan pelaksanaan aktiviti dan kelemahan pengurusan kewangan jika mereka disoal lebih awal oleh JKAA kerana pegawai terlibat masih lagi bertanggungjawab atas perkara yang ditegur itu dan oleh itu dapat menjelaskannya kepada JKAA. Bagi sesetengah negeri, JKAA agak terkebelakang dan tidak kemas kini dalam membincangkan Laporan Audit. Kedudukan mesyuarat JKAA bagi tahun 2003 adalah seperti berikut.

Kedudukan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Tahun 2003

Bil.	Negeri	Kekerapan Mesyuarat	Tahun Laporan Terakhir Dibincang
1	Johor	10	2000
2	Kedah	10	2001
3	Kelantan	12	2001
4	Melaka	2	2001
5	Negeri Sembilan	4	2000
6	Pahang	6	2001
7	Perak	3	2001
8	Perlis	3	2001
9	Pulau Pinang	2	2000
10	Sabah	2	2001
11	Sarawak	8	2001
12	Selangor	5	2001
13	Terengganu	6	2001

Dari segi kekerapan membincangkan Laporan ini, beberapa buah negeri agak kurang di mana hanya bermesyuarat sebanyak 2 hingga 3 kali dalam setahun. Selain itu Johor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang masih terkebelakang dari segi tahun laporan yang dibincangkan di mana Laporan Ketua Audit Negara terakhir yang dibincangkan adalah bagi tahun 2000.

Kesimpulannya peranan JKAA adalah sangat penting dari segi memantapkan pengurusan wang Kerajaan Negeri dan akauntabilitinya. Dalam perkara ini, peranannya dapat dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan kekerapan mesyuarat dan memastikan laporan terkini dibincangkan agar tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Ia juga dapat menjadikan



Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Kerajaan Negeri Johor bersama Ketua Audit Negara

peranan yang dimainkan oleh JKAA lebih relevan dan berkesan. Bagi mencapainya Jabatan Audit Negara mencadangkan langkah berikut dipertimbangkan:

- Menyegerakan perbincangan terhadap Laporan Ketua Audit Negara dan Kira-kira Kerajaan Negeri yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
- Membincangkan akaun Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang selama ini tidak dibincangkan secara khusus.
- Mengadakan perbincangan secara berkala dan mematuhi jadual yang telah ditetapkan.
- JKAA hendaklah memberi cadangan/syor yang spesifik bagi memudahkan tindakan diambil oleh Jabatan/Agensi Kerajaan.
- Menyediakan garis panduan pengurusan mesyuarat JKAA.

Pengurusan Yang Berkesan Di Badan Berkanun Persekutuan

Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan sebagai usaha menambah baik pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan, selain mengesahkan penyata kewangan dan menjalankan pengauditan terhadap aktiviti/program Badan Berkanun Persekutuan yang terpilih. Pengauditan ini bermula pada tahun 2002 bertujuan memantau perkembangan Badan Berkanun Persekutuan, memberi nasihat untuk menambah baik kawalan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan mengetahui prestasi keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan.



Pegawai JAN sedang mengadakan perbincangan dengan auditi

Pengurusan yang baik dinilai melalui aspek pengurusan organisasi secara menyeluruh, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur, kedudukan kewangan, pengurusan kewangan serta pelaksanaan program/aktiviti di bawah kendaliannya.

Objektif pengauditan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Laporan pengauditan pengurusan ini dikemukakan kepada Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan berkenaan untuk tindakan yang sewajarnya. Sementara itu laporan ringkas terhadap Badan Berkanun Persekutuan yang

terpilih akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Badan Berkanun Persekutuan tahun berkenaan.

Pengurusan organisasi yang baik bermula dengan adanya carta organisasi yang menunjukkan fungsi, aktiviti dan hierarki dengan jelas, sistematik, lengkap dan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Ini diikuti dengan pembahagian tugas, penurunan kuasa dan senarai tugas secara individu dibuat dengan jelas dan wajar. Pengurusan sumber manusia yang teratur dari segi penempatan pegawai mengikut kelayakan, kepakaran dan pengalaman akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi. Bagi memastikan kesinambungan pengurusan, pelan peralihan tugas menjadi elemen penting, terutamanya untuk pegawai atasan yang bakal menerajui organisasi. Begitu juga program latihan tahunan bagi pegawai meningkatkan pengetahuan serta kemahiran perlu menjadi agenda pengurusan sumber manusia organisasi.

Pada amnya, sistem dan prosedur merujuk kepada Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan peraturan kewangan yang diterima pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan. Selain itu Jabatan akan menilai keberkesanan sistem dan prosedur yang dibangunkan oleh Badan Berkanun Persekutuan untuk melaksanakan fungsi organisasi. Kredit akan diberi terhadap Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000 bagi sistem pengurusan dan dokumentasi berkualiti.

Aspek kawalan kewangan memainkan peranan penting bagi memastikan akauntabiliti pengurusan kewangan. Pengauditan dijalankan bagi menentukan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan oleh Badan Berkanun Persekutuan meliputi; kawalan bajet, kawalan hasil dan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset serta pengurusan akaun amanah, deposit, pinjaman dan pelaburan yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan berkenaan.



Contoh laporan pengurusan yang telah dikeluarkan

Di samping itu, Jabatan juga memilih satu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk diaudit. Pengauditan ini bertujuan menentukan sama ada Badan Berkanun Persekutuan melaksanakan aktiviti dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang diliputi adalah dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Perancangan yang baik akan membantu Badan Berkanun Persekutuan melaksanakan aktiviti dengan teratur dan berkesan. Manakala pemantauan merupakan elemen penting yang memastikan pelaksanaan aktiviti berjalan lancar.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2003, Jabatan telah menjalankan pengauditan pengurusan terhadap 32 Badan Berkanun Persekutuan. Analisis prestasi pengurusan menunjukkan 7 (22%) daripada 32 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit mencapai tahap pengurusan yang baik, 22 (69%) adalah memuaskan dan 3 (9%) dikategorikan lemah.

Tahap pengurusan di 7 Badan Berkanun Persekutuan dikatakan baik berdasarkan kriteria Jabatan iaitu mempunyai struktur pengurusan organisasi yang jelas dan bersesuaian, pengurusan sumber manusia yang cekap, perancangan pengisian jawatan yang teratur dengan adanya pelan peralihan tugas serta pembangunan kerjaya melalui latihan berterusan.

Di samping itu, Jawatankuasa yang ditubuhkan telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan keputusan mesyuarat diambil tindakan segera. Sistem dan prosedur adalah lengkap dan berfungsi dengan baik serta mendapat pengiktirafan MS ISO 9001/2000. Begitu juga pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan berkenaan adalah teratur, mematuhi peraturan dan rekod kewangan diselenggarakan dengan kemas kini.

Manakala 3 Badan Berkanun Persekutuan yang dikategorikan lemah berdasarkan kriteria Jabatan Audit Negara kerana kelemahan dari segi Jawatankuasanya. Dua daripada Badan Berkanun Persekutuan tersebut tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Manakala Badan Berkanun Persekutuan lain, Jawatankuasa yang ditubuhkan tidak bermesyuarat seperti mana yang ditetapkan.

Bagaimanapun, maklum balas daripada Badan Berkanun Persekutuan berkenaan amat menggalakkan. Pihak pengurusan telah mengambil kira pandangan dan syor Audit dalam menambah baik pengurusan organisasi. Begitu juga tindakan pembetulan telah dibuat segera selepas teguran Audit.

Secara keseluruhannya, pengauditan pengurusan agensi ini telah berjaya membantu agensi kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan bagi memastikan sumber/dana agensi digunakan dengan sebaik mungkin.

Pengurusan Risiko Di Badan Berkanun Persekutuan

Pengurusan risiko ialah pengenalpastian, analisis dan pengawalan ekonomi risiko yang mengancam aset atau keupayaan perolehan sesebuah syarikat/agensi atau individu. Ia merupakan aspek penting dalam perancangan kewangan yang boleh memberi keselesaan dan kelegaan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.

Selaras dengan peningkatan jumlah aset di agensi Badan Berkanun Persekutuan dan perkembangan persekitaran pelaburan tempatan dan antarabangsa, pengurusan risiko merupakan aspek kritikal yang tidak dapat dielakkan terutamanya agensi bersaiz besar seperti Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan sebagainya. Pengurusan risiko yang berkesan dapat memastikan pulangan pelaburan yang maksimum kepada agensi terbabit.

Jabatan sentiasa memantau pengurusan aktiviti di Badan Berkanun Persekutuan khususnya aktiviti yang memberi risiko yang tinggi bagi memastikan aktiviti di Badan Berkanun Persekutuan tidak menyimpang daripada objektif penubuhannya.

Lima Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat secara aktif dalam bidang pelaburan iaitu Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Badan ini bertanggungjawab menentukan pematuhan kepada amalan terbaik tadbir urus korporat dan memastikan sistem kawalan yang berkesan terhadap integriti pengurusan dan keselamatan aset.

Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Bahagian Pengurusan Risiko pada tahun 2002 yang dianggotai oleh 10 pegawai. Bahagian Pengurusan Risiko ini melaporkan terus kepada Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia. Antara fungsinya adalah menetapkan standard dan keperluan tertentu bagi memastikan pengurusan risiko diambil kira dalam inisiatif strategik, penetapan polisi dan operasi bank.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pula telah menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko pada bulan Januari 2002 untuk memberi panduan kepada pihak Pengurusan mengenai polisi dan strategi pengurusan risiko. Jabatan ini mempunyai 10 pegawai. Antara fungsi utamanya adalah memberi nasihat kepada Panel Pelaburan mengenai hala tuju pembangunan bersepadu pengurusan risiko berhubung dengan aktiviti pelaburan agensi. Walaupun fungsi Jabatan ini tertumpu kepada aktiviti pelaburan dan belum meluas kepada risiko operasi, namun langkah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini adalah baik bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan. Ini kerana ia dapat memastikan risiko pelaburan adalah pada tahap yang terkawal. Sementara itu, Lembaga Tabung Haji menubuhkan Bahagian Pengurusan Risiko pada bulan April 2002. Bagaimanapun, fungsi ini dilakukan oleh sebuah badan luar yang dilantik dan bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Pelaburan agensi terbabit.

Pendekatan yang serius juga diambil oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam memantau aktiviti pengurusan risiko khususnya berkaitan aktiviti pelaburan. Ia telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat pengurusan, Jabatan Pengurusan Risiko dan Unit Pengurusan Risiko di peringkat Jabatan bagi memastikan aspek risiko diberi perhatian dalam semua proses membuat keputusan. Selain itu, Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan bertanggung jawab melaksanakan dasar dan strategi untuk mengendalikan aset dan dana agensi dengan sebaik mungkin.

Dengan penubuhan Jabatan dan Bahagian ini, maka semua isu berkaitan risiko dapat dikenal pasti, polisi dan prosedur yang diguna pakai serta kaedah penilaian dapat diseragamkan.

Secara keseluruhannya, kewujudan Jabatan/Bahagian Pengurusan Risiko di Badan Berkanun Persekutuan dapat membantu pihak pengurusan mengawasi aktiviti organisasi secara menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus korporat dan penambahbaikan berterusan kepada agensi.

Penglibatan Di Peringkat Antarabangsa

PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Jabatan Audit Negara adalah ahli kepada *Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)* iaitu pertubuhan yang dianggotai oleh 38 Ketua Audit Negara Asia. Ianya bertanggungjawab untuk menggalakkan kerjasama di kalangan negara anggota melalui program latihan, penyelidikan dan pertukaran maklumat dan pengalaman dalam bidang pengauditan. Penglibatan Jabatan di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

7th ASOSAI Research Project on Audit Quality Management System

Jabatan Audit Negara telah ditawarkan menganggotai pasukan penyelidik bagi *7th ASOSAI Research Project on Audit Quality Management System*. Mesyuarat pertama pasukan ini telah diadakan di New Delhi, India.

Mesyuarat kali ke-2 telah diadakan di Kuala Lumpur pada 12-17 Julai 2004 bagi membincangkan draf *Audit Quality Management System*. Draf ini telah dibincangkan secara terperinci di mesyuarat kali ke-3 yang telah diadakan di Beijing, China pada 25 - 28 Oktober 2004. Mesyuarat kali ke-3 di China telah dihadiri oleh 11 ahli kumpulan penyelidik daripada India, Bangladesh, China, Malaysia, Pakistan, Filipina dan Yaman. Malaysia diwakili oleh Tn. Hj. Anwari bin Suri, Pengarah Sektor Pengurusan Korporat dan En. Abid bin Abdul Jalil, Juruaudit Sektor Audit Negeri. Hasil penyelidikan ini telah dibentangkan di 34th Governing Board Meeting of ASOSAI di New Delhi pada 29 Nov. hingga 3 Dis. 2004.

17th UN/INTOSAI Seminar on Government Auditing

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil, Ketua Audit Negara dan En. Khalid Khan bin Abdullah Khan, Ketua Juruaudit (Penyelidikan) telah menghadiri *17th UN/INTOSAI Seminar on Government Auditing* pada 19 - 23 April 2004 di Vienna, Austria. Tema seminar tersebut ialah *Symposium On The Independence*

Of Supreme Audit Institutions, dihadiri oleh 38 buah negara membincangkan mengenai kebebasan institusi Audit dalam memainkan peranannya secara berkesan dari aspek perundangan, kewangan dan pentadbiran. Ketua Audit Negara telah membentangkan kertas kerja bertajuk *The Status of Independence – Malaysia's Perspective*.



17th UN/INTOSAI Seminar on Government Auditing

Lawatan Rasmi Ke Pejabat Audit United Kingdom, London

Selepas menghadiri seminar di Vienna, Y. Bhg. Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil telah mengadakan lawatan rasmi ke Pejabat Audit United Kingdom, London pada 26 dan 27 April 2004. Antara perkara yang dibincangkan dengan Sir John Bourn, Ketua Audit Negara United Kingdom dan pegawai kanannya adalah seperti berikut:

- *Contribution/Involvement of the U.K Audit Office during the establishment of our Audit Office*
- *New developments in the National Audit Office with regards to e-government and other emerging issues, training and CPD programmes*
- *Provisions of National Audit Act and NAO's organization setup*

Ketua Audit Negara juga telah melawat pejabat *The Chartered Institute of Public Finance & Accountancy (CIPFA)* U.K di London. Antara perkara yang telah dibincangkan dengan pegawai tinggi CIPFA adalah mengenai *Roles and Functions of CIPFA, CIPFA's CPD Programmes and Bilateral Co-operation*. Hasil perbincangan dengan pegawai tinggi CIPFA telah membantu penyediaan kertas kabinet Penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia.

Kongress INCOSAI XVIII Di Budapest, Hungary

Ketua Audit Negara, serta 3 pegawai Jabatan (En. Isa bin En. Kob, Pn. Ong Swee Leng dan En. Khalid Khan bin Abdullah Khan) telah menghadiri Kongres INCOSAI XVIII di Budapest, Hungary pada 10 - 16 Oktober 2004. Dalam tempoh tersebut, delegasi Jabatan telah menghadiri mesyuarat bagi Jawatankuasa *EDP Audit, Accounting and Reporting Standard* dan *Auditing Standard*. Ketua Audit Negara

juga menyertai forum *Environmental Audit* yang dianjurkan oleh *Working Group on Environmental Audit*.

INCOSAI XVIII telah membincangkan 2 tajuk iaitu:

- *The Possibilities for Bilateral and Multilateral Co-operation Among Supreme Audit Institutions*
- *Coordination of Audit Efforts Among National, Regional, Local and Self-Governing Bodies*

INCOSAI XVIII telah dihadiri oleh 154 negara anggota, 29 pemerhati dengan bilangan kehadiran seramai 480 orang.

34th Governing Board Meeting Of ASOSAI

Pada 29 Nov. - 5 Dis. 2004 Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil, Ketua Audit Negara telah menghadiri *34th Governing Board Meeting Of ASOSAI* di New Delhi, India.

PEGAWAI YANG MENGHADIRI SEMINAR ANTARABANGSA PADA TAHUN 2004

Tarikh	Kursus/Seminar	Pegawai	Tempat
29 Mac – 30 April 2004	<i>Symposium for Regional Training Specialist</i> anjuran IDI- INTOSAI	En. Roslan bin Abu Bakar Juruaudit W48 Cawangan Audit Dalam (MITI) Pn. Norsalwani binti Muhammad Juruaudit W48 Cawangan Audit Dalam (e-P) Cik Alifah Aida binti Lope Abd. Rahman Juruaudit W41, Cawangan Latihan Sektor Pengurusan Korporat Cik Hauriah binti Panjang Ahmad Juruaudit W41, Cawangan Latihan Sektor Pengurusan Korporat	Bangkok, Thailand
15 – 17 April 2004	<i>Management Development Programme on Improving the Financial Performance of Public Sector Undertakings (PSUs)</i> anjuran Governance & Institutional Development Division (GIDD)	Pn. Fatimah binti Mamat Juruaudit W54 Sektor Audit BBP	Dona Paula, Goa, India
1 – 6 November 2004	<i>Seminar On The Audit Of Information Technology</i> anjuran ASOSAI	En. Y.Hamdani bin Mohd. Dom Ketua Juruaudit W48 Sektor Pengurusan Korporat	Seoul, Korea

AIM-ADBI Joint Training Course on Upgrading Accounting and Auditing Competency for Development and Risk Management

Pada 12-16 April 2004, En. Boon Jon Lin, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan telah menghadiri AIM-ADBI Joint Training Course on Upgrading Accounting and Auditing Competency for Development and Risk Management yang telah diadakan di Asian Institute of Management's Campus (AIM) Makati, Filipina. Objektif kursus ini untuk memberi kesedaran tentang perubahan dalam standard perakaunan dan pengauditan antarabangsa dalam persekitaran pengurusan risiko.

Program Berkembar Antara Jabatan Audit Negara Malaysia Dengan Pejabat Audit Nepal

Program latihan oleh Jabatan Audit Negara, Malaysia kepada 13 pegawai dari Pejabat Ketua Audit Negara Nepal di bawah program berkembar bersama KPMG Malaysia telah diadakan pada 25 Nov. hingga 17 Dis. 2004 di Pejabat Jabatan Audit Negara, Putrajaya. Objektif latihan ini untuk melatih peserta dalam bidang pengauditan hasil dan pengauditan projek pembinaan. Ketua Audit Negara Nepal, Rt. Hon. Gahendra Nath Adhikary turut hadir pada majlis penutup kursus ini.

PEGAWAI YANG MENGHADIRI KURSUS ANJURAN ASOSAI TAHUN 2004

Tarikh	Kursus	Pegawai	Tempat
5 Januari - 4 Februari 2004	Audit of Public Enterprise & Privatization anjuran <i>Office of The Comptroller and Auditor General of India</i>	Pn. Fadzilah binti Hj. Mohammad Juruaudit W41 Cawangan Audit Dalam (Perangkaan)	International Centre, Noida, India
5 - 25 April 2004	2nd International Audit Training Programme anjuran <i>The National Audit Office of The People's Republic China</i>	En. Che Abdullah bin Hj A Bakar Juruaudit W48 Cawangan Audit Negeri Terengganu	Beijing, China
18 - 30 April 2004	Workshop On Financial Audit In An IT Environment anjuran ASOSAI	En. Y Hamdan bin Mohd Dom Juruaudit W48 Sektor Pengurusan Korporat Pn. Nadhirah binti Abd Wahab Juruaudit W41 Sektor Audit BBP	Kuala Lumpur, Malaysia
17-28 Mei 2004	Workshop On Privatisation anjuran ASOSAI	En. Anuar bin Harun Juruaudit W41 Cawangan Audit Negeri Pahang Pn. Norliza binti Nuruddin Juruaudit W41 Sektor Audit BBP	Manila, Filipina
2-16 Oktober 2004	Workshop On Public Debt anjuran ASOSAI	Cik Raftah binti Ibrahim Juruaudit W44 Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	Canberra, Australia

Diari Jabatan

Januari

10 Januari

Majlis dan Forum Pengkisahan Sejarah Sempena Sambutan 100 Tahun Institusi Ketua Audit Negara, dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara bersama ahli panel En. Lee Siew Kuan (Bekas Penolong Ketua Audit Negara) dan En. P. Kanason (Bekas Pengarah Audit Bahagian Perusahaan Awam).



12 - 16 Januari

